

**PARLIMEN**

# **MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**M ESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUAABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 17 MARCH 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LIS  
AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO.  
10 HINGGA 72 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK  
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

## **SOALAN (10)**

### **PEMBERITAHUAN FERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**TARIKH :** 17 MAC 2011 (KHAMIS)  
**DARIPADA :** Y.B.PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]

#### **SOALAN**

**Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengeluarkan suatu undang-undang kecil berkaitan asrama bagi mengelakkan kediaman awam terns salah guna sebagai asrama pekerja, terutama buat warga asing.

#### **JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk mengeluarkan suatu undang-undang kecil berkaitan asrama. Ini kerana Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Seksyen 78 telah memperuntakkan bahawa seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebeginu penuh sesak hingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduknya sebagai melakukan suatu kesalahan. Kesalahan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan enam bulan atau kedua-duanya. Pesalah juga boleh didenda tambahan satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas disabitkan kesalahan.**

**Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan**

**Mac 2011**

PEMBERgTAHUMAN PERTAMYAAN  
DEWAN RAKYAT fVSALAYSIA

PERTANYAAN    LISA  
N

DARIPADA    DATO? DR. 閩OHAIVIAD SHAHRUfVI OS閩  
AN

KAWASAN    ypis

:    17.03.2011 (KHA\_S)

TARIKH    NO. SOALAM

Y.B. DATO<sup>5</sup> DR<sub>a</sub> fVSOHASVIAD SHAHRU閩 OS閩AN msnta CENTER! PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRS meoyatakan apakah rasional | eadangan penggabungan dua .pengeluar kereta nasiona! iaitu Proton Holdings Bhd. (PROTON) dengan Perusahaan Automobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) yang dikatakan boleh meningkatkan clayra saing industri automotif negara.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Y.A.B Perdana IVSenteri semasa makan malam bersempena ulang tahun ke-25 PROTON pada 9 Julai 2010 mencadangkan penggabungan PROTON dan PERODUA bagi mengatasi masaiah lebihan kapasiti di pasaran tempatan di samping mewujudkan sebuah syarikat automotif nasional yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Pada masa itu, kapasiti pengetuan PROTON dan PERODUA adalah pada tahap 50% sahaja. Dari segi syer pasaran pula, pada tahun 2010 , PROTON menguasas 26% dan PERODUA 31.2%.

Sekiranya penggabungan ini dilaksanakan ia dijangka dapat mengatasi masalah struktur dalam industri automotif tempatan. Masalah-masalah struktur yang dihadapi industri automotif pada masa kini adalah:

- (i) kos tetap yang tinggi , yang mana boleh dikurangkan dengan peningkatan pengeluaran dan penggunaan kapasiti;
- (ii) kos komponen yang tinggi, yang mana boleh dikurangkan melalui program pembangunan vendor dan sistem perolehan yang berskala besar;
- (isi) kos penyelidikan dan pembangunan yang tinggi, yang mana boleh dikurangkan melalui peningkatan jumlah pengeluaran • ■ • ■ bagi setiap model; dan
- (iv) kualiti dan produktiviti, melalui kerjasama dengan rakan teknologi, boleh ditingkatkan ke arah mencapai piawaian global.

Mengikut kajian yang dibuat oleh MITI melalui *Malaysia Automotive Institute* (MAI), sekiranya masalah-masalah struktur tersebut dapat diatasi, industri automotif tempatan akan menjadi lebih berdaya saing dan mampu untuk menembus | pasaran-pasaran di | utar negara.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kajian penggabungan PROTON dan PERODUA telah selesai dan telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Ekonomi pada bulan Januari 2011. Kerajaan telah memutuskan supaya MITI melalui dengan izin, (MAI) mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak-pihak yang terlibat iaitu PROTON dan PERODUA untuk mencapai kata sepakat dalam memastikan industri automotif negara menjadi lebih kompetitif. Kedua-dua syarikat telah membentangkan oadangan penggabungan kepada Lembaga Pengarah masing-masing dan

pandangan mereka telah dikamukakan kepada M1T1. Pada masa ini<sup>3</sup>

pihak Kerajaan sedang meneiti cadangan balas daripada kedua-dua syarikat

SJ.B/(30)

PESVIBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN G0BALAKR1SHNAN A/L NAGAPAN  
(PADANG SERAS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2011

Tuan Gobaknshnan A/L Nagapan ( Padang Serai ) minta MENTERI KEWANGAM menyatakan berapakah jumlah RM500 dan RM1000 yang pernah dicetak untuk kegunaan negara semasa Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua ,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh dari bulan Mac 1991 sehingga September 1998, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mencetak sebanyak 4.5 juta keping wang kertas RM500 bernilai RM2.25 bilion dan 11.5 juta keping wang kertas RM1000 bernilai RM11.5 bilion. Kesemua pesanan untuk mencetak wang kertas tersebut telah melalui proses dan prosedur yang ketat yang diamalkan oleh BNM.

SOALAN NO : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO , SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
TARIKH	[LUBUKANTU]
SOALAN	17 MAC 2011

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubuk Antu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang supaya jururawat masyarakat yang berkhidmat di klinik desa ulu-ulu sungai supaya dapat mengendalikan kes ibu melahirkan anak yang tidak mempunyai komplikasi dibolehkan melahirkan anak di klinik desa ulu-ulu sungai yang jauh di pedalaman Lubok Antu.

Tuan Yang di-Pertua,

Tugas utama Jururawat Masyarakat adalah memberi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak termasuk kebidanan di rumah dan klinik, bagi kes yang tiada komplikasi. Jururawat Masyarakat mempunyai kelulusan Sijil Kejururawatan Masyarakat dan dengan ini membolehkan mereka memberi perkhidmatan di klinik desa, klinik kesihatan dan di hospital di seluruh negara.

Jururawat Masyarakat yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, setelah menjalani latihan selama dua setengah tahun (Kebidanan Bahagian 11) boleh mengendalikan perkhidmatan kesihatan ibu hamil dan bayi serta menyambut kelahiran kes yang tidak mempunyai komplikasi. Mengikut Akta Kebidanan 1966 (*Midwives Act 1966-rev / sec/ 1990*), Jururawat Masyarakat adalah boleh mengendalikan kes ibu melahirkan anak yang tidak mempunyai komplikasi.

Kesemua 8 klinik kesihatan di kawasan Lubok Antu iaitu Klinik Kesihatan Batang Ai, Klinik Kesihatan Engkili, Klinik Kesihatan Lubok Antu, Klinik Kesihatan Merindun, Klinik Kesihatan Nanga Kesit, Klinik Kesihatan Nanga Patoh, Klinik Kesihatan Nanga Delok dan Klinik Kesihatan Nanga Stamang mempunyai Pusat Bersalin Alternatif (*ABC*) di mana Jururawat Masyarakat yang ditempatkan di klinik kesihatan ini mampu mengendalikan kelahiran yang tidak berkomplikasi di klinik kesihatan. Kaedah ini memudahkan akses kepada perkhidmatan untuk penduduk yang tinggal di luar bandar termasuk, kawasan pedalaman seperti di ulu sungai.

Walaubagaimanapun hanya kes-kes yang berisiko rendah sahaja dibenarkan bersalin di Klinik Kesihatan tersebut dengan mengambilkira kelahiran selamat kepada ibu dan bayi kerana perkhidmatan hospital yang paling hampir ialah Hospital Sri Aman yang terletak antara 37km hingga 130km mengikut kedudukan klinik masing-masing melalui jalan darat atau sungai . Perkhidmatan *ABC* ini telah dimulakan sejak fasiliti ini mula beroperasi. Ini telah membolehkan Malaysia mencapai kejayaan dalam liputan perkhidmatan kesihatan ibu sehingga kelahiran selamat

mencapai 98.61 % untuk tahun 2009. Bagi tahun 2010 sejumlah 53 (17.5%) kelahiran dari 302 jumlah kelahiran yang didaftarkan di daerah Lubok Antu telah dikendalikan oleh Jururawat Masyarakat di Pusat Bersalin Alternatif (ABC) di klinik-klinik tersebut (seperti di lampiran).

#### LAMPIRAN

#### Bilangan Jururawat Masyarakat, Pusat Kelahiran Alternatif, Dan Kehirian Mengikut Klinik Kesihatan Di Kawasan Lubok Antu Bagi Tahun 2010

Klinik Kesihatan	Bilangan Jururawat Masyarakat	Pusat Kelahiran Alternatif — ABC		Kehirian	
		Ada	Tiada	Jumlah	Kehirian ABC
KK Batang Ai	3	V		53	5
KK Engkili	6	V		77	1
KK Lubok Antu	5	V		82	16
KK Merindun	2	V		46	17
KK Nanga Kesit	2	V		18	7
KK Nanga Patoh	2	V		10	1
KK Nanga Delok	2	V		5	2
KK Nanga Stamang	2	V		11	4
Jumlah	24	8		302	53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN TUAN CHONG  
DARIPADA CHIENG JEN 17 MAC 2011  
TARIKH (KHAMIS) NO.14  
SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [ Bandar Kuching ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah kriteria pengambilan pelajar untuk program pengajian yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi program pengajian lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarat Am permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepasan SPM/Setaraf adalah seperti berikut:

- **Warganegara Malaysia; dan**
- Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya LIMA (5) **kepujian termasuk Bahasa Melayu.**

**Kriteria-kriteria yang digunakan bagi pemilihan pelajar ke IPTA adalah seperti berikut:**

**PERTANYAAN**

- pencapaian Akademik yang baik;
- pencapaian Kokurikulum yang baik;
- kombinasi mata pelajaran yang sesuai dengan syarat khas program pengajian;
- gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
- lulus temu duga /ujian kelayakan yang ditetapkan oleh pihak IPTA;
- pilihan program pengajian mengikut keutamaan;
- memenuhi syarat khas program seperti yang ditetapkan oleh IPTA; dan
- bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung pada susunan merit dan pemilihan program pengajian di IPTA yang dipohon. Jika markah merit mereka tidak begitu tinggi dan memohon lapan (8) pilihan dalam program pengajian kompetitif, kemungkinan besar mereka tidak terpilih untuk tawaran program pengajian yang dipohon. Begitu juga jika mereka memohon hanya di IPTA yang popular mungkin akan menghadapi persaingan yang tinggi dan akhirnya tidak mendapat apa-apa tawaran daripada IPTA berkenaan. Justeru pemohon perlu menggunakan strategi yang tepat dan bijak dalam pemilihan program pengajian dan IPTA bagi meningkatkan peluang mendapatkan tawaran.

Soalan No : 15

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

DARIPADA

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN  
(KENINGAU)

TARIKH

17.03.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ad a Kementerian sudah berpuas hati dengan mutu pencapaian pendidikan sekolah rendah dan menengah di negara ini, dan kalau tidak, apakah langkah-langkah yang telah, sedang atau akan diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu pendidikan di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua ,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu pencapaian pendidikan di negara ini dari semasa ke semasa supaya ianya berkeupayaan untuk mendepani cabaran masa hadapan. Atas kesedaran itu, KPM sentiasa komited dalam memastikan pembangunan pendidikan di negara ini sentiasa diperkemaskan dan ditambahbaikan melalui penyediaan kemudahan infrastruktur yang diperlukan oleh masyarakat setempat. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh KPM meliputi:

- i. Pembinaan sekolah-sekolah baru di kawasan yang memerlukan
- ii. Penggantian, pengubahsuaian, menaik taraf dan pembinaan bilik darjah tambahan bangunan sekolah sedia ada

- iii. Program Bekalan air bersih
- iv. Program Bekalan elektrik 24 jam melalui pelbagai kaedah

Di samping itu, kemudahan pendidikan lain turut disediakan seperti kemudahan ~~permasangan~~ bagi murid serta penyediaan rumah guru di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya di Sabah. Program-program ini akan diteruskan dalam RMKe-10 KPM.

Pendekatan yang diambil oleh KPM untuk memastikan akses kepada pendidikan bagi pelajar luar bandar dan peribumi Sabah dilaksanakan melalui satu pendekatan yang menyeluruh. Ia merangkumi aspek penyediaan kemudahan fizikal sekolah serta bekalan elektrik dan air bersih, penempatan guru terlatih di luar bandar dan pedalaman, kemudahan asrama untuk pelajar serta rumah guru di luar bandar. Penyediaan program sokongan pendidikan seperti Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dan lain-lain lagi. Di samping itu juga KPM telah pun memperluaskan kemudahan pendidikan prasekolah di Pusat Komuniti di Sabah.

Rjm 34

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA YB TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)

TARIKH 17.03.2011  
(KHAMIS)

#### SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) berapakah jumlah kos perolehan 700 das misal untuk kegunaan pesawat Sukhoi , tarikh penerimaan dan siapakah syarikat pembekal; dan
- (b) berapakah kos setiap das misal jenis SM 39 Exocet dan Bloack Shark

NO SOALAN : 17

Torpedoes serta siapakah syarikat pembekal.  
JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan sistem ini adalah sebahagian daripada pakej perolehan pesawat Sukhoi SU-30MKM termasuk alat dokongan logistik yang dibuat melalui syarikat ROSOBORONEXPORT, Russia iaitu sebuah syarikat pembekal tunggal yang diberikan lesen oleh Kerajaan Russia untuk memasarkan peralatan pertahanan termasuk sistem persenjataan perolehan misil bernilai USD24.1 juta dan telah diterima pada pertengahan tahun 2007.

Bagi perolehan misil EXOCET SM 39 adalah bernilai EUR0131,740.00 dan perolehan misil Black Shark Heavyweight Torpedo adalah bernilai EUR087.5 juta. Perolehan ini adalah termasuk Pakej Latihan, *Support & Test Equipment* (S&TE) untuk kerja-kerja selenggaraan dan juga pemindahan teknologi (TOT).

Perolehan Misil EXOCET SM 39 dan Black Shark Heavyweight Torpedo adalah diperolehi terus daripada pembuat asal iaitu *Original Equipment Manufacturer (OEM)*.



SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATCT SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM

TARIKH

[BAYAN BARU]

SOALAN

17 MAC 2011

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah Kerajaan Malaysia bercadang mewujudkan satu tabung khusus untuk membantu penghidap kencing manis (diabetes) yang tidak mampu membiayai kos rawatan hemodialisis yang sangat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak bercadang mewujudkan satu tabung khusus untuk membantu penghidap penyakit kencing manis (diabetes) membiayai kos rawatan hemodialisis.

Namun demikian bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh pesakit miskin dan kurang mampu termasuk penghidap kencing manis, KKM memberi bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit miskin dan kurang mampu yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis NGO yang berdaftar, sebanyak RM50.00 untuk setiap rawatan. Dengan pemberian bantuan subsidi ini, pusat-pusat hemodialisis tidak boleh mengenakan caj melebihi RM60.00 kepada setiap pesakit.

Antara tahun 2001 hingga September 2010 , KKM telah meluluskan sebanyak RM170 , 102,381.00 bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada 3,346 orang pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis di 113 buah pusat hemodialisis NGO seluruh negara.

Mulai 1 April 2009, KKM telah juga meluluskan pemberian subsidi RM30.00 untuk setiap suntikan Erythropoietin dengan jumlah maksimum 13 suntikan sebulan, kepada pesakit miskin dan kurang mampu yang menerima subsidi rawatan hemodialisis. Sehingga Disember 2010 , subsidi suntikan Erythropoietin yang diluluskan ialah sejumlah RM16,323,488.00

Subsidi hemodialisis dan suntikan Erythropoietin adalah sebahagian dari usaha kerajaan untuk mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh pesakit-pesakit miskin dan kurang mampu bagi meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan pesakit.

**NO. SOALAN : 18**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA  
PERTANYAAN ATAN MALAYSIA  
DARJADA LISAN  
TARIKH TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH  
SOALAN BARAT ]  
17 MAC 2011

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah negara akan menghadapi kelebihan bekalan doktor dalam jangka masa terdekat, dan jikalau berlaku sedemikian, apakah tindakan yang bakal diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan sasaran nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk iaitu 1:600 untuk dicapai menjelang tahun 2020. Penetapan sasaran tersebut dibuat dengan mengambil kira keadaan kekurangan Pegawai Perubatan pada masa itu dan keperluan untuk penambahan bilangannya bagi membolehkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan diberikan kepada rakyat. Oleh yang demikian, sasaran tersebut adalah merupakan satu asas untuk merancang

keperluan bagi memenuhi peningkatan perkhidmatan kesihatan dan juga perkembangan keperluan dan kemudahan-kemudahan latihan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada *trend* pengeluaran graduan perubatan semasa, sasaran tersebut dijangka akan dapat dicapai lebih awal iaitu sebelum tahun 2020. Buat masa ini nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk Malaysia pada tahun 2009 berada pada 1:927. Justeru itu, Kementerian telah mengkaji semula sasaran nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk yang mana nisbah yang ditetapkan ialah 1:400. Berdasarkan nisbah tersebut, jumlah keperluan Pegawai Perubatan pada tahun 2020 adalah seramai 87 , 177 orang.

Penetapan sasaran nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk (1:400) dibuat berasaskan kepada fakta (*evidence based*) yang telah mengambil kira usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, peningkatan saiz penduduk, peningkatan ekspektasi rakyat , perubahan demografik, epidemiologi dan beban penyakit, distribusi sumber yang tidak seimbang, kompleksiti perkhidmatan kepakaran, transformasi ke arah pencapaian status negara maju dan sebagainya.

Dalam membuat perkiraan tersebut, prinsip perkembangan perkhidmatan kepakaran perubatan, perkhidmatan kesihatan awam, penyelidikan dan perancangan fasiliti serta aspek tadbir urus klinikal di semua peringkat turut dijadikan asas utama dalam menentukan bilangan optima pegawai dan pakar perubatan.

Penetapan semula sasaran nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk (1:400) tersebut tidak bermakna bahawa negara akan mengalami lebihan Pegawai Perubatan. Ini adalah kerana perkembangan pesat dalam perkhidmatan kesihatan dan perubatan terutamanya di sektor awam, akan memerlukan lebih ramai Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TAN SRI DATO <sup>1</sup> SERI ONG KA TING (KULAI)
TARIKH	17.03.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO<sup>1</sup> SERI ONG KA TING [ KULAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah SJK (T) Kulai Besar akan dimulakan kerja pembinaan di lokasi baru dan bilakah ia dijangka siap serta anggaran peruntukan yang telah diluluskan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SJKT Kulai Besar telah mula dilaksanakan pada 17 Jan 2011. Projek berkenaan yang dijangka siap pada awal tahun 2012 dianggarkan berjumlah RM5.94 juta. Skop projek tersebut melibatkan pembinaan satu blok tiga tingkat, iaitu mengandungi 19 bilik darjah dan 11 bilik kemudahan lain.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(29)

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA            TUAN            MANICKAVASAGAM            A/L  
    SUNDARAM (KAPAR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH    17.03.2011

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram (Kapar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, syarikat milik Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi negeri masing-masing dari tahun 2005 hingga 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus. Sehingga Disember 2010 , jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM407.1 bilion atau 53.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM390.4 bilion atau 96peratus merupakan hutang dalam negeri manakala baki sebanyak

RM16.7 bilion atau 4 peratus merupakan hutang luar negeri. Bagi

tempoh 2005 hingga 2010 , jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM Bilion)	% kepada KDNK
2005	228.7	43.8
2006	242.2	42.2
2007	266.7	41.5
2008	306.4	41.4
2009	362.4	53.3
2010	407.1	53.1

2. Untuk makluman Yang Berhormat, hutang Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Program Transformasi GLC yang disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 2010 , antaranya ialah Tenaga Nasional Bhd sebanyak RM45.3 bilion, Axiata Group Bhd sebanyak RM17.8 bilion, Sime Darby Bhd sebanyak RM16.4 bilion, Telekom Malaysia Bhd sebanyak RM12.9 bilion dan Malaysia Airline System Bhd sebanyak RM8.9 bilion. Liabiliti syarikat-syarikat ini tidak diambil kira di dalam akaun imbangan (*balance sheet*) Kerajaan.
3. Bagi Kerajaan Negeri dan agensi-agensi negeri pula, jumlah hutang mereka kepada Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

	Kerajaan Negeri (RM Bilion)	Agensi Negeri (RM Juta)
2005	13.2	95
2006	14.2	147
2007	15.6	148
2008	18.3	148
2009	17.5	329
2010	17.1	330

NO : 0^1

PE8V8BERITAHUAM PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

BERTAN  
DARIPADA  
YANG  
SOALAN

JAWAB LISAN

TUAN TENG BOON SOON  
17 麟 AC 2011 (KHAIVISS)

: MO.21

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta 關ENTER晕 PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah Kerajaan menilai dan meninjau dari semasa ke semasa kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi untuk memastikan universiti-universiti tempatan memainkan peranan yang optimum dalam pernbangunan negara dan bakal siswa-siswi diberi panduan memilih kursus yang relevan dengan permintaan pasaran pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa membuat pemantauan ke atas kurikulum yang dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA). IPTA diwajibkan melaksanakan semakan semula kurikulum setiap tiga (3) hingga lima (5) tahun bagi memastikan program yang ditawarkan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualification Framework (MQF)* dan menepati kehendak industri.

Semakan semula kurikulum juga dibuat melalui kajian-kajian halatuju dengan mengambil kira pandangan ahli-ahii akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai Kerajaan dan badan bukan Kerajaan (NGO) pada setiap dua hingga tiga tahun, berdasarkan keperluan bidang pengajian masing-masing.

Sepanjang tahun 2010 , sebanyak 13 Kajian Hala Tuju bidang pengajian telah diterbitkan iaitu bidang pengajian komunikasi dan media, ekonomi dan pengurusan, aeroangkasa, pendidikan bahasa, pendidikan muzik, pengajian islam, pendidikan pergigian, pendidikan perubatan, pendidikan farmasi, veterinar, kejururawatan dan pertanian.

Melalui kajian hala tuju ini, struktur kurikulum sedia ada diteliti dan penambahbaikan dibuat kepada elemen-elemen akademik yang diperlukan bagi memastikan graduan yang bakal dilahirkan pada masa akan datang mempunyai ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh industri,

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan setiap bidang pengajian mempunyai pengiktirafan di peringkat antarabangsa, *benchmarking* dengan universiti terkemuka di luar negara juga dilaksanakan.

Selain itu, keahlian Lembaga Pengajian di peringkat Universiti ini dimestikan mengandungi ahli yang mewakili pelbagai pihak termasuk dari akademia, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO), bagi memastikan program dan

\*Bs6uBqejB}UB je>i6uuad !p e6nf ue>jLjeq 'uBiBdiuaj !e>|6uljad ip efeqes ue>|nq e\_ uejesed >|Bpuaijօj iiinueaoiu nduueuj B>iօJ8UJ ub>|!)sbujouj iu8|ep ueuejnje^ uejedujsi uenpej6 貝լeny depeijjev M^qiuei lejm uaqiuauj ueyfB |U|V|BA|P 0ueouejip I|B|9| 6ubA ue>j!eqi|gqijueu9d j! 間s!u!-濯!s!u|

due\ep ue>ie uep 剛 eseuu sped ujsnpu >|ei|!d MB|o Bjsnueiju b6bu9^ eun6 uen|ja\_ jijnueuuuai jedep ue>juB|ef!p 6ubA snsjn>| neje aiej6ojd UB^useuuueuj i6eq (*sfsA/eue speeu ^eyfjeuu*) uejesed uen|j0\_sisi|bub uep uejesed uBifB>| UB^UBjBfuauj npad B0nf v\_\\_dl

•6UIBS

eAepjeq uep ue\9|9J 6ubA ujBjBojd ue>jBdnjouu ub>jjbmbj!P 6ubA snsjn>|

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

(BAGAN SERAI)

TARIKH

17.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [ BAGAN SERAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) berapakah jumlah sekolah SRJKC dan SRJKT dari 2008 hingga 2010 dan jumlah penuntutnya; dan
- (b) berapa perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi tahun-tahun tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) pada tahun 2008 adalah sebanyak 1,290

Soalan No : 22

buah, manakala pada tahun 2009 adalah sebanyak 1,292 buah. Bagi tahun 2010 bilangan SJKC sebanyak 1,293. Enrolmen murid di SJKC pada tahun 2008 adalah sebanyak 630,572 orang, bagi tahun 2009 sebanyak 618,718 orang manaka bagi tahun 2010 pula jumlah murid adalah seramai 603,192.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan melalui Pakej Rangsangan 1 dan 2 yang telah disalurkan kepada SJKC dari tahun 2008 hingga 2010 adalah berjumlah RM21.09 juta manakala bagi SJKT pula berjumlah RM2.50 juta.

Rjm 32

Soalan No: 23

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>17.03.2011</b>
<b>SOALAN</b>	

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan strategi Kementerian untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan petani dan nelayan terutama daripada aspek pemberian kediaman dan pemberian rumah kos rendah di seluruh negara. Sila nyatakan projek dan jumlah rumah yang diperuntukkan setiap negeri.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 2.0% pada tahun 2015. Secara dasarnya, langkah-langkah utama dalam menangani isu- isu kemiskinan di kalangan petani dan nelayan adalah seperti berikut:

- (i) Memperkuuh dan memantapkan lagi pelaksanaan program/projek peningkatan pendapatan, program/kursus latihan kemahiran dan penyediaan tempat kediaman yang lebih selesa dan selamat. Ini dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai Kementerian dan Jabatan membabit projek-projek di bawah Skim

Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan program 1AZAM di bawah projek AZAM TANI.

- (ii) Memperkuuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan melalui perancangan pelaksanaan secara komprehensif menggunakan pangkalan data eKasih dan mekanisme **"Focus Group" Pembasmian Kemiskinan** di peringkat nasional, negeri dan daerah.
- (iii) Meneruskan **strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti pembinaan jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik.**

**Tuan Yang DiPertua,**

Bagi pertanyaan Yang Berhormat mengenai pelaksanaan rumah kos rendah bagi golongan petani dan nelayan, buat masa ini Kementerian belum terlibat dengan projek-projek sedemikian. Penglibatan Kementerian setakat ini adalah dalam menyediakan perumahan yang selamat dan selesa di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) yang dikhaskan untuk golongan miskin dan miskin tegar dan ianya diberikan secara percuma kepada golongan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan juga telah membangunkan beberapa projek penempatan semula bagi menangani isu perumahan nelayan miskin. Antara projek-projek berkenaan ialah:

- (i) Penempatan Semula Nelayan di Tanjung Dawai, Kedah;
- (ii) Penempatan Semula Nelayan di Pulau Redang, Terengganu;
- (iii) Projek Penempatan di Tok Bali, Bachok, Kelantan;
- (iv) Projek Penempatan Nelayan Pulau Pangkor, Perak; dan
- (v) Projek Penempatan di Penyabong, Johor

NO SOALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                  TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH                  17 MAC 2011

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kakitangan awam kontrak yang tidak diberikan perlindungan Perkeso dari tahun 2005-2010 dan nyatakan kenapa setengah kakitangan awam kontrak dikecualikan daripada perlindungan Perkeso serta senaraikan jumlah kakitangan yang terlibat mengikut setiap Kementerian.

JAWAPAN:        YB. DATO' SERI MOHAMEDNAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Semua pegawai awam tidak dikehendaki mencarum kepada PERKESO. Begitu juga dengan pegawai lantikan kontrak (*contract of service* yang mana pelantikan mereka dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik bagi pegawai awam), dasar dan peraturan semasa (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 : Dasar

NO SOALAN: 24

dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan

Pertukaran Tetap), tidak menetapkan syarat bahawa agensi kerajaan dan pegawai lantikan kontrak perlu mencarum kepada PERKESO. Sebaliknya pegawai dikehendaki mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 11%. Sebagai pegawai lantikan kontrak, pegawai diiktiraf statusnya sebagai pegawai awam, justeru melayakkan mereka menikmati faedah-faedah antaranya elaun, kemudahan cuti dan rawatan perubatan semasa dalam perkhidmatan seperti mana yang dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008. Selain itu, pegawai yang menamatkan tempoh perkhidmatan kontrak yang ditetapkan dengan memuaskan, layak dibayar ganjaran sebagai faedah tamat perkhidmatan di samping akan menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tertakluk kepada Akta KWSP.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 25

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

JAWAB LISAN

Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]

17 Mac 2011 (Khamis)

DATUK RAIME BIN UNGGI minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan:-

- (a) peranan FAMA dalam menangani isu penurunan harga buah yang mendadak akibat daripada pengeluaran buah-buahan yang berlebihan; dan
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk membantu petani luar yang kebanyakannya bergantung pada perniagaan tersebut.

JAWAPAN OLEH

Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

Tuan Yang Dipertua ,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah mengambil langkah - langkah proaktif dalam menangani isu penurunan harga buah — buahan iaitu:

- i. Menubuhkan sebanyak 280 buah pusat belian di pengeluaran utama yang berperanan menstabilkan harga pasaran terutamanya di kawasan — kawasan yang terpencil dan sukar mendapat akses pasaran yang secukupnya;

- ii. Jaminan pasaran ke atas produk yang dikeluarkan melalui penetapan harga lantai di mana FAMA akan membuat belian terus berasaskan persetujuan bersama; dan
- iii. Mengsyorkan penanaman semula jenis buah – buahan yang tidak komersial kepada jenis klon baru seperti R191 atau rambutan anak sekolah bagi rambutan dan D24, D197 (durian kunyit) bagi durian

Kementerian ini melalui FAMA telah menyediakan pelbagai program untuk membantu petani dalam perniagaan ini iaitu:

- i. Memperkenalkan Program Ladang Kontrak dalam menjamin pengeluaran hasil pertanian agar mendapat pulangan yang setimpal;
- ii. Pemasaran melalui rangkaian pasar tani dan program ‘Agrostorm’ di bandar – bandar utama;
- iii. Penubuhan gerai buah – buahan sementara di jalan raya bagi membantu pengeluar memasarkan buah – buahan terus kepada pengguna; dan
- iv. Program pemasaran melalui pasar raya dan hypermarket

**NO SOALAN : 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
DATCT RASHID BIN DIN**

**TARIKH** 16 MAC 2011

**SOALAN**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan dalam usaha untuk menjadikan FELDA satu syarikat multinasional berteraskan *agrobusiness* dan mempunyai *integrated value chain*, apakah FELDA sepenuhnya telah memanfaatkan *value chain* berdasarkan minyak sawit hingga memerlukan berbelanja jutaan ringgit untuk mengambil alih satu syarikat yang berdasarkan bijian lain yang menjadi pesaing ketat kepada minyak sawit.

**JAWAPAN** DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan FELDA di 12 buah negara adalah melalui anak syarikat milik penuh FELDA iaitu FELDA Global Venture Holdings Sdn Bhd (FELDA Global). Pelaburan luar negara yang dibuat oleh FELDA ini merupakan strategi jangka panjang yang

bertujuan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada pendapatan dari penjualan minyak sawit sahaja.

Bidang perniagaan di Syarikat Twin Rivers Technologies Holdings Inc (TRTH) yang dapat dimanfaatkan oleh FELDA terbahagi kepada dua iaitu seperti berikut: Pertama: Asid Lelemak dan Oleokimia (Fatty acids & Oleochemicals). FELDA telah mengambil alih syarikat Twin Rivers Technologies Holdings, Inc. yang mempunyai operasi kilang asid lelemak dan oleokimia di Quincy Massachussets melalui anak syarikatnya TRT US pada tahun 2007.

Kilang di Amerika Syarikat mampu menghasilkan asid lelemak dan *glycerine* masing-masing sebanyak 160,000 MT dan 20,000 MT setahun. Perniagaan ini merupakan strategi pelaburan jangka panjang bertujuan mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA. Pelaburan ini secara tidak langsung telah mewujudkan *integrated value chain* dalam kumpulan FELDA yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri oleochemical yang akhirnya akan membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri dalam industri pengeluaran barang pengguna (*consumer product industry*).

Pelaburan ini juga dibuat untuk menjadi asas (*foundation*) bagi FELDA untuk menembusi pasaran di Amerika Utara. Ia juga menjadi asas bagi hubungan perniagaan dengan pelaku pasaran utama seperti Procter &

Gamble (P&G) dan Unilever. Melalui pelaburan ini, FELDA berpeluang menghantar sebilangan petugas ke anak syarikatnya di luar negara untuk mendapat pendedahan dan pengalaman bekerja di luar negara.

Kedua: Pemprosesan bijirin dan penapisan minyak sayuran (*oilseed crushing and refinery*). Anak syarikat Twin Rivers Technologies Holdings, Inc., TRT ETGO yang beroperasi di Kanada telah membina kilang yang mempunyai dwi fungsi iaitu *oilseed crushing* dan penapisan minyak sayuran yang terletak Becancour, Quebec, ia mempunyai kapasiti memproses bijirin (crushing seeds) sebanyak 1.065 juta MT setahun dan menapis minyak masak 328,000 MT setahun. Antara nilai strategik yang terdapat pada TRT ETGO adalah seperti berikut:

- Kilang tersebut terletak berdekatan dengan sumber bahan mentah seperti kacang soya dan canola.
- Manfaat dari faktor lokasi geografi di Becancour di mana ia terletak di kawasan sekitaran pelabuhan dalam.
- Struktur kilang boleh-ubah soya-kanola.
- Sumber makanan dan pertanian mempunyai prospek pertumbuhan masa depan.

Secara keseluruhannya, pelaburan FELDA di TRT selari dengan strategi dan struktur perniagaan FELDA iaitu untuk mempunyai *integrated value chain* dan bagi menjadi syarikat multinational yang berteraskan *agribusiness*. Perniagaan ini merupakan strategi pelaburan jangka panjang bertujuan mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu

bergantung kepada pendapatan dari penjualan minyak sawit sahaja

**PERTANYAAN**  
tetapi juga menjana pendapatan daripada minyak sayuran seperti *sunflower*, kanola dan soya.

Pelaburan ini dijangka akan menyumbangkan pulangan yang memberangsangkan pada masa akan datang setelah aktiviti pemprosesan bijirin dan penapisan minyak sayuran di Kanada beroperasi sepenuhnya. TRT telah mengambil inisiatif-inisiatif drastik termasuk menstruktur semula model perniagaannya bagi memperbaiki dan mempertingkatkan lagi pencapaian prestasinya di Amerika Syarikat. Ekonomi Amerika Syarikat telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang positif pada 2010 dan dijangka akan terus pulih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

LISAN

DARIPADA                          TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN  
    [HULU TERENGGANU]

TARIKH                              17 MAC 2011

SOALAN

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

Pelan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhoat, Kerajaan sentiasa mempunyai keazaman dan komitmen yang tinggi untuk menangani masalah banjir di seluruh negara. Sehubungan dengan itu, melalui kajian ‘National Register of River Basins’ pada tahun 2003 , Kerajaan telah mengenalpasti kawasan-kawasan mudah banjir seluas 29,800 km persegi di seluruh Malaysia.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengkaji punca-punca banjir melalui penyediaan pelan-pelan induk tebatan banjir. Pelan-pelan induk ini turut digunakan untuk perancangan tebatan banjir. Setelah perancangan dimuktamadkan, rekabentuk terperinci akan dijalankan untuk menyediakan pelan- pelan kejuruteraan sebelum pelaksanaan projek tebatan banjir di kawasan- kawasan mudah banjir.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyiapkan lapan (8) pelan induk tebatan banjir dan dua

SOALAN NO.: 27

(2) masih dalam pelaksanaan. Selain itu, terdapat enam (6) rekabentuk terperinci kejuruteraan telah disiapkan dan dua (2) masih dalam pelaksanaan.

Bilangan projek tebatan banjir yang dapat dilaksanakan setiap tahun bergantung **PERTANYAAN** kepada jumlah peruntukan yang diberi kepada pihak JPS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada KPI Menteri pada tahun 2009, seramai 1.64 juta rakyat telah bebas dari banjir, dengan terlaksananya sebanyak 35 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di seluruh Malaysia.

Manakala bagi KPI Menteri tahun 2010, seramai 390,000 rakyat telah bebas dari banjir dengan siapnya 56 projek RTB.

Berdasarkan kajian dan penyediaan rekabentuk terperinci, pihak JPS akan meneruskan pelaksanaan projek-projek RTB di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO [KLANG]
TARIKH	17 MAC 2011 (KHAMIS)
SOALAN	

Tuan Charles Anthony a/l Santiago [KLANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesediaan Kerajaan untuk memperkenalkan kembali konsep Equal Opportunity Commission sebagai satu konsep penting dalam Model Baru Ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Model Baru Ekonomi (MBE) telah diterima oleh Kerajaan. Begitu juga dengan prinsip *equal opportunity* sungguhpun Kerajaan berpendapat tidak patut diwujudkan Equal Opportunity

SOALAN NO: 29

Commission.

Semua input dan hasil bagi langkah-langkah dasar 8 *Strategic Reform Initiatives* (SRI) secara terperinci dibangunkan berdasarkan siri perbincangan dan taklimat serta dialog dengan semua stakeholder dari sektor kerajaan, swasta, dewan perniagaan, pertubuhan buruh, NGO, pendidik dan lain-lain.

Dalam hal ini semua agensi kerajaan dan swasta berganding bahu serta semua stakeholders akan mengambil sifat bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan langkah-langkah dasar MBE dapat dicapai secara konsisten dan penuh teguh.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]
TARIKH	17 Mac 2011 (Khamis)
SOALAN	IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah alternatif kepada bekalan bawang (putih dan merah) sebagai persediaan kepada perubahan cuaca yang tidak menentu seperti kejadian banjir buruk yang berlaku di benua India baru-baru ini hingga menyebabkan kenaikan harga bawang serta bekalan terganggu dengan serius.
JAWAPAN OLEH	: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, bekalan bawang diimport dari India kerana:

- i. Penanaman bawang merah dan bawang putih tidak ekonomik dilaksanakan di Malaysia;
- ii. Tanaman bawang merah di negara ini sering dilanda masalah “white tip” yang akan mengurangkan lagi hasil untuk dipasarkan; dan
- iii. Bawang putih hanya boleh ditanam di kawasan sejuk seperti Cameron Highlands tetapi hasilnya tidak setanding dengan hasil dari negara pengeluar lain seperti China.

Bagi mengatasi kenaikan harga bawang serta bekalan yang mencukupi, langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

FAMA mengimport bawang merah kecil (*shallots*) secara langsung dari India untuk diedarkan ke pasar-pasar tani dan Kedai Rakyat di Terminal Agribisnes Negara (TEMAN);

Mendapatkan bekalan bawang merah dan putih dari Singapura; dan Mencari pembekal alternatif dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pembekal konvensional (India) seperti dari negara China untuk bawang putih dan Thailand untuk bawang merah.



SOALAN NO: 30

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]
TARIKH	17 Mac 2011
SOALAN	DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah subsidi diperuntukkan oleh Kementerian bagi setiap negeri bagi tujuan perladangan dan perikanan dan bilangan penerima di Sabah dan Sarawak.
JAWAPAN OLEH	Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah Subsidi dan Petrol pada tahun 2010 bagi Negeri Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM217.6 juta. Sebanyak RM103.6 juta diagihkan kepada 5,400 nelayan di Sabah dan sebanyak RM 114 juta telah diagihkan kepada 4,801 nelayan di Sarawak.

Jumlah subsidi yang telah diagihkan di bawah Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) pada tahun 2010 bagi Negeri Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM11.092 juta. Sebanyak RM9.823 juta diagihkan kepada 11,461 pesawah di Sabah dan sebanyak RM1.269 juta telah diagihkan kepada 8,376 pesawah di Sarawak.

Manakala jumlah subsidi di bawah Insentif Pengeluaran Hasil (IPH) yang telah diagihkan pada tahun 2010 bagi Negeri Sabah adalah sebanyak RM6.123 juta dan melibatkan seramai 8,483 pesawah. Namun bagi Negeri Sarawak, pengiraan belum dibuat kerana musim tanaman untuk tahun 2010 belum berakhir. Musim tanaman tahun 2010 akan berakhir pada bulan Jun 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

NO. SOALAN : 31

PERTANYAAN                                    LISAN  
DARIPADA                                    DATO , SRI IR. ONG TEE KEAT [ PAN DAN ]  
TARIKH                                        17.03.2011 (KHAMIS)

DATO , SRI IR. ONG TEE KEAT [PANDAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI , KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah kelonggaran yang telah ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha hypermarket antarabangsa untuk memperbanyakkan outletnya. Setakat mana impaknya terhadap daya hidup kedai-kedai runcit tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua ,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan mengawalselia pertumbuhan pengusaha-pengusaha *hypermarket* asing di Malaysia dengan mewujudkan satu Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran Di Malaysia (Pindaan) 2010 (Garis Panduan). Salah satu objektif utama Garis Panduan tersebut ialah untuk memastikan pernbangunan sektor perdagangan pengedaran yang adil dan saksama disamping memastikan pernbangunan pengusaha tempatan.

Garis Panduan ini mengenakan syarat yang ketat bagi pembinaan *hypermarket* kepada pengusaha asing seperti berikut:

- i. mempunyai modal berbayar minima sebanyak RM50 juta;
- ii. mempunyai pegangan ekuti Bumiputera sebanyak 30%;
- iii. ruang lantai niaga mestilah tidak kurang daripada 5,000 meter persegi;
- iv. hanya satu *hypermarket* dibenarkan beroperasi bagi setiap 250,000 penduduk (Walaubagaimanapun terdapat juga kawasan yang mempunyai lebih daripada satu *hypermarket* bagi setiap 250,000 penduduk. Ini adalah kerana terdapatnya kuasa membeli di kawasan tersebut dan menggalakan persaingan diantara hypermarkert serta mengelakkan daripada berlakunya monopoli oleh satu *hypermarket* sahaja);
- v. tidak beroperasi dalam radius 3.5 km dari kawasan perumahan dan pusat bandar;
- vi. beroperasi secara *stand alone*;
- vii. setiap permohonan juga perlu mengemukakan bersama kajian impak terhadap pembangunan *hypermarket tersebut*] dan
- viii. mendapatkan ulasan daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

Setiap permohonan oleh pengusaha-pengusaha *hypermarket* asing perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan tersebut. Permohonan ini akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran (JKPP) yang dipengerusikan oleh Kementerian ini dan ahlinya terdiri daripada beberapa Kementerian lain.

Sehingga kini, pembukaan *hypermarket* memberikan impak yang positif kepada daya hidup peruncit - peruncit tempatan. Berdasarkan perbandingan diantara Band Perdagangan Edaran 2001 dan Band Perdagangan Edaran 2009 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan kedia runcit bertambah sebanyak 8.86% iaitu

daripada 44,990 kepada 48,976 buah kedai runcit . Melalui pemerhatian yang dibuat, terdapat sesetengah peruncit di kawasan tertentu menyatakan kehadiran *hypermarket* sedikit sebanyak telah membantu membangunkan perniagaan mereka. Mereka juga sebaliknya mendapatkan bekalan barang perniagaan daripada pasaraya dengan harga yang lebih murah. Kumpulan sasaran mereka juga berbeza. Pengguna yang ingin mendapatkan jumlah barang yang sedikit akan masih memilih kedai runcit berbanding *hypermarket* kerana lebih mudah dan cepat.

Walaubagaimanapun, tidak dinafikan kehadiran *hypermarket* turut memberi kesan negatif kepada sesetengah peruncit tempatan. Bagi mengatasi masaiah ini, Kementerian ini telah menyediakan Pelan Induk Perdagangan Pengedaran untuk membantu sektor perdagangan pengedaran tempatan supaya lebih berdaya saing. Kementerian di bawah projek *National Key Economic Areas (NKEA)* juga melaksanakan projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) bersama *hypermarket* asing dan tempatan untuk memodenkan kedai runcit sedia ad a supaya lebih berdaya saing.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**TARIKH : 17 MAC 2011**

**SOALAN**

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan secara terperinci apakah rancangan jangka masa pendek serta jangka masa panjang bersama jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak demi mengatasi masaiah banjir yang serius yang kini sedang berlaku di kawasan Taiping, Larut, Matang dan Selama.

**JAWAPAN:**

SOALAN NO.: 32

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah dan perancangan telah dan sedang dilaksanakan untuk menangani masaiah banjir di kawasan Taiping, Larut, Matang dan Selama samaada bagi jangka pendek atau jangka panjang. Untuk langkah jangka pendek, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan menjalankan kerja-kerja pemantauan dan menyelenggara sungai-sungai yang bermasalah. Kerja-kerja selenggaraan termasuklah menebas, mencuci, mengorek, mendalam dan melebarkan sungai atau membuang kayu dan pokok tumbang yang mengganggu aliran sungai yang dilaksanakan secara berterusan dari tahun ke setahun bergantung kepada peruntukan yang diterima. Pihak JPS telah membelanjakan sebanyak RM 3.0 juta pada tahun 2010 untuk kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan Taiping, Larut, Matang dan Selama.



Selain itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), kerja menaik taraf ban Sungai Tupai serta kerja-kerja berkaitan di bawah Rancangan Tebatan Banjir Taiping telah siap dilaksanakan dengan kos RM 2.7 juta menggunakan peruntukan Persekutuan.

Pada tahun ini, satu kerja pembinaan parit utama sepanjang 3 km di Kampung Boyan, Taiping dengan kos RM 4.0 juta menggunakan peruntukan Negeri juga akan dilaksanakan. Projek ini dijangka siap dalam tempoh 2 tahun.

Bagi langkah jangka panjang, pihak JPS telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir untuk Daerah Larut Matang dan Selama. Skop kerja meliputi pengaluran sungai, melebar dan mendalamkan sungai, membina struktur kawalan hakisan dan pemeliharaan tebing, membina ban untuk menghalang limpahan air sungai, menaiktaraf infrastruktur sediada, membina struktur kawalan dasar, dan beberapa program kerja mengikut keperluan semasa. Sehubungan dengan itu, pihak JPS akan melaksanakan projek-projek tebatan di Daerah Larut Matang dan Selama dalam RMKe-10 bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan Persekutuan.

Di samping itu, pihak JPS juga telah mengambil langkah-langkah bukan struktur dengan memberi khidmat nasihat dan ulasan teknikal berhubung perancangan aktiviti pembangunan kepada pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan dan Agensi Agensi Kerajaan serta pihak swasta yang sedang atau akan membangunkan sesuatu kawasan. Ia melibatkan keperluan dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani atau mengelakkan daripada berlakunya banjir. Pemantauan terhadap aktiviti pembangunan tanah pula akan dilakukan dari semasa ke semasa memastikan setiap pembangunan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dengan kerjasama PBT untuk mengawal hakisan memasuki sungai-sungai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**NO. SOALAN : 18**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI**

**ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH**

**17 MAC 2011**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

a) Sama ada Kementerian akan mempertimbangkan pembinaan sebuah Hotel Seri Malaysia di Hab Halal Tanjung Manis sekiranya Kementerian diberi tanah secara percuma di Hab Halal Tanjung Manis; dan

b) Sekiranya tidak, bilakah dijangkakan sebuah Hotel Seri Malaysia akan dibina di Tanjung Manis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan yang diambil bagi pembinaan Hotel Seri Malaysia (HSM) yang diguna pakai sehingga RMKe\_9 (2006 - 2010) adalah

tanah disediakan oleh Kerajaan Negeri dan peruntukan untuk pembinaannya disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dan pihak Rangkaian Hotel Seri Malaysia (RHSM) akan mengenal pasti lokasi/tanah yang strategik (tanah) agar pembinaan sesebuah HSM kelak akan berdaya maju. Dalam hal ini, pihak Kerajaan Negeri akan mengemukakan permohonan peruntukan bagi membiayai pembinaan sesebuah HSM melalui Kementerian Pelancongan untuk perakuan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) , Jabatan Perdana Menteri (JPM) agar permohonan diluluskan dan peruntukan disediakan bagi projek HSM.

Namun, di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (2011- 2015) semua permohonan pernbangunan projek HSM akan dipertimbangkan di bawah kaedah *Private Finance Initiative (PFI)* di mana setiap permohonan hendaklah dikemukakan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM untuk pertimbangan dan

kelulusan. Oleh yang demikian, Kementerian Pelancongan tidak lagi terlibat dalam pelaksanaan projek HSM dan pemilihan sesuatu lokasi tanah untuk projek HSM akan ditentukan oleh pihak Kerajaan Negeri dan RHSM termasuk cadangan di Tanjung Manis.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	Lisan
DARIPADA	Puan Teresa Kok Suh Sim (SEPUTEH)
TARIKH	17 Mac 2011
SOALAN	PUAN TERESA KOK SUH SIM minta MENTERI   PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan Rancangan Kementerian dalam bidang penanaman tanaman makanan demi mengatasi masalah krisis makanan dunia yang diakibatkan oleh banjir di banyak negara pengeluaran makanan. Apakah Kementerian mempunyai rancangan tentang keselamatan makanan ( <i>food security</i> ).
JAWAPAN OLEH	Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) 2008-2010 akibat daripada kenaikan harga minyak serta krisis bekalan makanan yang berlaku pada awal tahun 2008. Terdapat 8 program utama telah dilaksanakan meliputi peningkatan hasil pengeluaran padi, penambahan stok penimbang

beras, peningkatan pengeluaran produktiviti melalui Taman Kekayaan Pengairan (TKP) Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan ternakan lembu dan kambing, pemberian insentif pengeluaran, pengukuhan pemasaran, program Bumi Hijau, pengurusan tanah terbiar dan elaun sara hidup bagi nelayan.

Walaupun Kerajaan telah berjaya memastikan penduduk memperolehi bekalan makanan yang mencukupi semasa krisis makanan global pada tahun 2008 melalui pelaksanaan Dasar Jaminan Bekalan Makanan, Kerajaan masih berhati-hati dengan isu jaminan bekalan makanan (food security) berdasarkan persekitaran baru di peringkat dunia yang diramal akan menjelaskan pengeluaran makanan dan biodiversiti global iaitu:

- i. peningkatan harga makanan dunia;
- ii. peningkatan harga input pertanian;
- iii. pertambahan penduduk dunia;
- iv. perubahan kepelbagaian diet yang ketara;
- v. peningkatan penggunaan komoditi makanan untuk bioteknologi; dan
- vi. perubahan iklim dunia yang mengakibatkan bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Dengan mengambil kira senario peringkat global seperti yang telah disebutkan tadi serta Model Baru Ekonomi dan Pelan Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan, beberapa strategi telah dirangka di dalam Dasar Agromakan bagi tempoh 2011-2020 untuk menjamin bekalan makanan dalam negara iaitu:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pernbangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) Membangunkan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;

- (iii) Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) Menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti teknologi *omics*, dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;
- (v) Meningkatkan penglibatan pihak swasta akan menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menujuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasar melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan
- (vi) Mbenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik (*reverse investment*) bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti. Pelaburan timbal balik ini akan membantu meningkatkan sekuriti bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan yang mana hasil keluaran pertanian dibawa balik secara langsung atau sebagai produk akhir untuk kegunaan tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Agromakanan ini sedang diselaraskan dengan Dasar Komoditi Industri oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai Dasar Pertanian Negara Ke-4.

S  $\perp$  B/(25)

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATUK WEE JECK SENG  
[TANJONG PIAI]

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 17.03.2011

Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) adakah kadar cukai yang tinggi kebelakangan ini menyebabkan lambakan rokok tidak sah yang lebih murah mendapat permintaan yang tinggi; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan ketirisan rokok tidak sah ini berlaku

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah mengenakan kadar cukai yang agak tinggi dan kawalan penjualan ke atas rokok adalah bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat di Malaysia. Langkah ini selaras dengan komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa menurut peruntukan Artikel 6, *World Health*

*Organisation (WHO) Framework Convention On Tobacco Control (FCTC)* yang mengiktiraf bahawa kaedah percukaian dan kawalan harga merupakan langkah penting dan berkesan dalam mengawal penggunaan rokok terutamanya di kalangan remaja.

2. Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari bahawa kadar cukai yang tinggi ke atas rokok boleh menyumbang kepada peningkatan aktiviti penyeludupan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan bersama-sama agensi berkenaan sentiasa berusaha meningkatkan aktiviti membanteras penyeludupan rokok dan menyekat penjualan rokok yang di seludup. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa menumpukan kepada usaha membanteras penyeludupan rokok seperti berikut:

- i. Menjalankan pemeriksaan secara rutin dan berterusan ke atas premis , stor dan *outlet* (kedai-kedai runcit) yang disyaki menyimpan atau menjual rokok seludup dan Operasi khas rokok (*Ops Outlet*) bagi membendung aktiviti penyeludupan rokok.
- ii. Mempergiat operasi intipan pengesanan rokok seludup semasa ia dipindahkan dari tempat penyeludupan ke stor, pengedar dan peruncit. Intipan tersebut dilaksanakan di tempat-tempat strategik di lebuh ray a, jalan-jalan yang sering digunakan oleh penyeludup rokok termasuk kawasan-kawasan pendaratan rokok tidak sah;
- iii. Mengadakan Operasi Maritim Secara Bersepadu oleh agensi penguat kuasa maritim tempatan seperti Polis Marin, TLDM dan Jabatan Laut serta agensi luar negara seperti Kastam Indonesia

dan pihak berkuasa maritim Filipina;

- iv. Mengesan konsaimen yang disyaki mengandungi rokok seludup dengan menggunakan mesin-mesin pengimbas di pelabuhan-pelabuhan dan pintu-pintu masuk utama untuk mengesan rokok tidak sah yang disembunyikan dalam kontena, bungkusan dan/atau bagasi.
- v. Meningkatkan kerjasama di antara agensi penguat kuasa seperti PDRM, Kastam, Imigresen dan BPR serta mengadakan kerjasama dengan pihak swasta bagi menyelaraskan tindakan dan operasi bersama;
- vi. Menempatkan pegawai/anggota dari lain-lain negeri/kawasan untuk melakukan operasi di negeri/kawasan yang bukan tempat mereka bertugas;
- vii. Meningkatkan *Capacity Building* dengan meningkatkan keupayaan logistik, pengetahuan dan kemahiran kakitangan penguat kuasa bagi menambah keberkesanan menangani isu-isu penyeludupan; dan
- viii. Mengadakan kempen dan publisiti menyedarkan orang awam supaya melaporkan sebarang kegiatan penyeludupan, penyimpanan dan penjualan rokok tidak sah serta memupuk kesedaran anti penyeludupan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi tempat penyeludupan yang aktif.

3\_ Berdasarkan langkah-langkah yang dijalankan di atas, JKDM telah berjaya meningkatkan jumlah tangkapan kes penyeludupan rokok dari tahun ke tahun. Pada tahun 2008 , JKDM telah menumpaskan 1,123 kes penyeludupan rokok bernilai RM58.2 juta manakala pada tahun 2009 pula sebanyak 1,799 kes bernilai RM70.9 juta telah berjaya ditumpaskan. Bagi tahun 2010 , JKDM telah merekodkan tangkapan sebanyak 2,688 kes penyeludupan rokok bernilai RM86.9 juta.



NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEW編 RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO\* TAIB AZA\_DDEN BIN \_ TAIB  
[BALING ]

TARIKH : 17 開AC 2011

SOALAN :

Dato® Taib Azamudden bin 廖 Taib [ Baling ] minta PERDANA MENTERI menyatakan dasar pengisian pegawai dan kakitangan pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat daerah yang rata-rata terpaksa bertugas di bawah bilangan yang mencukupi untuk melaksana kerja di bawah paras minima.

JAWAPAN: YB, DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti mana yang diketahuj umum, Perkhidmatan Awam di negara ini terbahagi kepada Perkhidmatan Awam di peringkat persekutuan dan negeri. Pengisian jawatan kosong di sesebuah jabatan Kerajaan sama ada di jabatan persekutuan atau jabatan negeri adalah tertakluk kepada Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan yang ditetapkan atas

NO SOALAN: 24

jawatan yang berkenaan.

NO SOALAN: 36

Dalam hal ini, pengisian jawatan di peringkat daerah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing. Sekiranya terdapat jawatan yang masih belum diisi dan kekosongan tersebut boleh menjelaskan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan rakyat, maka Kerajaan Negeri atau PBT yang berkenaan perlu mengambil inisiatif segera bagi membuat pengisian berdasarkan waran perjawatan yang telah diluluskan. Pengisian tersebut boleh dibuat melalui kaedah penempatan atau pertukaran pegawai sedia ada, atau pengambilan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik sekiranya melibatkan gred lantikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin ditegaskan bahawa senario Perkhidmatan Awam kini telah banyak berubah dan pengukuran prestasi tidak lagi bergantung kepada pengisian perjawatan tetapi keberhasilannya (*outcome*). Pegawai-pegawai kini memiliki kemahiran pelbagai (*multi skilled*) dan boleh melaksanakan pelbagai tugas (*multi task*).

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

NO, SOALAN:

DARIPADA                    TUANMOHD NIZAR BIN ZAKARIA                [  
                                  PARIT    ]

TARIKH                      17MAC 2011

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah ancaman idea pluralism agama (yang menganggap semua agama adalah sama) dan bahayanya (mengakibatkan ramai umat Islam terpesong akidah dan membawa kepada kerosakan/kebinasaan) kepada umat Islam di negara ini.

JAWAPAN: (Y.B, SENATOR MEJAR JENERAL DATO<sup>5</sup> SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan masyarakat Islam di Negara ini dalam fahaman liberalisma dan pluralisma adalah terkawal. Walau bagaimana pun, Kerajaan telah memberi perhatian yang serius supaya kedua-dua fahaman ini tidak terus menular dan berkembang di Negara ini. Di samping itu pihak berkuasa agama negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan turut bekerjasama dalam menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)

TARIKH : 17.03.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [ RANTAU PANJANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid yang tercicir dalam pelajaran, yang menamatkan pelajaran selepas darjah 6 dan tingkatan 5 serta tidak bersekolah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau masalah keciciran dalam kalangan murid-murid di seluruh negara. Secara purata, analisis keciciran murid peringkat sekolah rendah yang keluar dari sistem persekolahan di bawah KPM dalam tempoh 2006 hingga 1 Januari 2010 ialah dalam sekitar 0.5 peratus. Manakala keciciran di peringkat sekolah menengah pula, sekitar 7.4 peratus.

Walau bagaimanapun, tidak semua murid tercicir daripada mengikuti persekolahan kerana sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah dan sebagainya. Sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikuti keluarga berhijrah ke luar

negara. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masaiah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan. Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkankadar keciciran. Antara Langkah-langkah tersebut ialah;

- a) Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir (JPMC) hendaklah ditubuhkan di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran untuk membuat siasatan ke atas murid cicir di tempat masing-masing dan menyediakan laporan.
- b) Mengadakan mesyuarat JPMC untuk menerima, membincang dan membuat keputusan ke atas laporan siasatan.
- c) Mengambil tindakan segera bagi kes-kes yang memerlukan bantuan kewangan yang berada dalam kawalan sekolah/ PPD/ JPN yang meliputi:
  - ) Bantuan KWAMP;
  - i) Yuran Sekolah;
  - ii) Buku Teks;
  - iv) Rancangan Makanan Tambahan;
  - v) Asrama;
  - vi) Khidmat Kaunseling kepada murid dan ibu bapa;
  - vii) Khidmat Guru Pemulihan; dan
  - viii) Bantuan dan sokongan lain yang boleh didapti oleh JPMC daripada agensi atau badan lain seperti PIBG, JHEOA, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jawatankuasa Kampung, Yayasan Negeri dan sebagainya.



SOALAN NO. 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                    JAWAB LISAN

DARIPADA :                    YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

(BATANG SAADONG)

TARIKH                        17 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perkembangan mengenai pelaksanaan *Gender Responsive Budget* di Malaysia  
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ke arah pelaksanaan bajet gender, Kementerian Kewangan telah meminta semua kementerian/agensi untuk menyedia dan mengumpul data mengikut pecahan jantina bagi membolehkan perspektif gender dapat diketengahkan dalam penggubalan dasar dan pelan

tindakan serta perancangan program dan intervensi yang lebih berkesan di peringkat kementerian/agensi. Arahan ini terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2011 mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2012 dan 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 14 Januari 2011.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah dipertanggungjawabkan sebagai *focal point* untuk memastikan data-data berkaitan gender boleh diperolehi daripada kementerian/agensi pada setiap masa. KPWKM yakin dengan arahan ini pelaksanaan bajet gender dapat dilaksanakan oleh semua kementerian/agensi bermula dengan penyediaan anggaran perbelanjaan untuk tahun 2012 dan 2013. Sehubungan itu, bagi membantu meningkatkan kemahiran pegawai di setiap kementerian/agensi dalam menyediakan bajet gender, kursus bajet gender terus dipergiatkan dengan mengadakan Kursus Bajet Gender kepada Timbalan Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Pengarah yang telah dilantik sebagai *Gender Focal*

*Point* (GFP) pada 25 Ogos 2010 serta pegawai yang terlibat dalam penyediaan bajet di kementerian/agensi masing-masing.

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

**TARIKH:** 17 MAC 2011

**SOALAN:**

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah majikan bukan Islam yang tidak menghormati hak pembantu rumah muslim yang bekerja di rumah-rumah mereka seperti tidak menyediakan makanan halal dan masa untuk solat, apakah ada aduan yang diterima.

PR-000- L41767

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua<sup>5</sup>

1. Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan, setakat ini Kementerian Sumber Manusia tiada menerima aduan melibatkan majikan mengarahkan penyediaan makanan tidak halal dan tidak memberikan masa solat kepada pembantu rumah muslim. Dalam perkara ini, majikan pembantu rumah sentiasa diberikan maklumat mengenai tugas dan tanggungjawab majikan terhadap pembantu rumah mereka.

2. Sebagai langkah untuk mencegah sebarang masaiah timbul, Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia telah dan sedang berusaha untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pembantu rumah asing melalui pendekatan

**SOALAN NO: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**berikut:**

berusaha untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pembantu rumah asing melalui pendekatan berikut:

- a) Mewujudkan Buku Garis Panduan Pengajian Pembantu Rumah Asing yang telah dilancarkan pada 21 Febraari 2010 dengan tujuan untuk memberi pengetahuan serta meningkatkan kesedaran tentang faedah, kebajikan serta perlindungan di bawah peraturan dan perundangan perburuhan di kalangan pembantu rumah asing dan majikan.
  - b) Melaksanakan Seminar dan Sesi Dialog bagi pembantu rumah asing dan majikan bagi tujuan untuk memupuk serta menjalinkan perhubungan yang baik di antara pembantu rumah dan majikan selain meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang peranan yang telah dimainkan oleh agensi Kerajaan seperti Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.
3. Kerajaan akan terus meningkatkan kerjasama berhubung dengan penyelesaian sebarang isu-isu berkaitan pembantu rumah asing demi kesejahteraan pihak-pihak yang berkenaan.

No. Soaian :

PEMBERSTAHUAN PERTANYAAN BAG! JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATO, MOHD JiDiN BIN SHAFEE [SETIU]

TARfKH

17 MAC 2011

SOALAN

YB DATO , MOHD JiDiN BIN SHAFEE [SETfU]  
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan  
penjelasan mengenai pelan kecemasan bagi  
menyelamatkan rakyat Malaysia di luar negara  
jika berlaku sesuatu yang tidak diingini  
sebagaimana yang berlaku dr Mesir dan apakah  
pengajaran yang boleh dipelajari di sebalik  
kejadian di Mesir itu.

JAWAPAN:  
Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. [Libaran] bersama soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [Kuala Nerus] bertarikh 14 Mac 2011 錄 Y.B. [Setiu] bertarikh 17 Mac 2011 @ Y.B. [Pengerang] bertarikh 7 April 2011 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.
- 2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat, di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

- 3. Perwakilan-perwakilan Malaysia di seluruh dunia sentiasa bersiapsiaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kecemasan , bencana alam, krisis politik atau perperangan.
- 4. Secara amnya, semua Perwakilan Malaysia di luar negara mempunyai Pelan Kontigensi masing-masing berpandukan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia. Pelan Kontigensi ini merangkumi 4 tahap kesiapsiagaan iaitu Tahap Hijau, Kuning, Jingga dan Merah. Tahap Hijau menggambarkan keadaan stabil, aman dan tenteram. Tahap Kuning menggambarkan kekacauan dan ketegangan telah mula berlaku tetapi keadaan masih lagi terkawal. Tahap Jingga di mana Keadaan dan situasi sekeliling menjadi semakin kritikai. Tahap yang terakhir adalah Tahap Merah di mana keadaan sudah tidak terkawal, kritikai, bahaya dan boleh mengancam keselamatan. Tahap kesiapsiagaan di sesebuah Perwakilan itu bergantung kepada penilaian Ketua Perwakilan berdasarkan kepada situasi semasa di negara tersebut.

5. Selain itu, Perwakilan Malaysia sentiasa memastikan semua rekod bagi warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dikemaskini dan mengandungi maklumat yang lengkap seperti alamat tempat tinggal dan nombor perhubungan di negara berkenaan. Rekod ini memudahkan Perwakilan Malaysia untuk mengenalpasti lokasi rakyat Malaysia yang menetap di luar negara semasa kecemasan. Selain daripada itu, rakyat Malaysia juga dinasihatkan agar mengelak daripada mendiami kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti kawasan penempatan setinggan, kawasan berhampiran penjara dan kawasan-kawasan hitam yang sering berlakunya kegiatan jenayah.

6. Setiap rakyat Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara telah diperingatkan melalui notis yang terkandung di bahagian belakang Pasport Antarabangsa Malaysia untuk mendaftarkan nama dan alamatnya semasa berada di luar negara di Pejabat Perwakilan Malaysia berhampiran. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia yang menetap di luar negara untuk berdaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia. Dalam memudahkan urusan pendaftaran rakyat Malaysia yang menetap di luar negara, urusan pendaftaran kini boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui iaman sesawang Kementerian Luar Negeri iaitu [www.kln.gov.my](http://www.kln.gov.my).

Tuan Yang di-Pertua,

7. Melalui pengalaman krisis yang berlaku di Mesir baru-baru ini, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah menghadapi masaiah menentukan

jumlah dan lokasi sebenar rakyat Malaysia kerana kebanyakan pelajar dan rakyat Malaysia yang tinggal di sana tidak mendaftar dengan Kedutaan Besar Malaysia. Ini telah menimbulkan kesulitan untuk menghubungi mereka. Keadaan menjadi lebih sukar apabila jaringan komunikasi termasuk internet di sana tergendala.

8. Sebagai kesimpulan, Kementerian Luar Negeri sentiasa siapsiaga dan terus komited untuk membantu rakyat Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB PUAN NURUL**

**IZZAH BINTI ANWAR**

**(LEMBAH PANTAI)**

**TARIKH**

**17 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta MENTERI**

**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan pecahan peratusan belanjawan Kerajaan yang benar-benar sampai ke tangan sasaran penerima bantuan kebajikan berbanding peratusan untuk pentadbiran.



JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Tugas dan tanggungjawab Kementerian Pernbangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selain daripada melaksanakan program berhubung pernbangunan sosial, turut mengagihkan peruntukan kebajikan kepada golongan yang memerlukan.

Secara keseluruhan, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.902 bilion perbelanjaan mengurus melalui Kementerian Pernbangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.138 bilion adalah merupakan peruntukan bantuan yang **disalurkan** kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pecahan peruntukan bagi tujuan kebajikan adalah sebanyak 60% berbanding dengan peratusan peruntukan bagi tujuan pentadbiran atau operasi Kementerian Pernbangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara keseluruhan iaitu sebanyak 40%.



NO SOALAN : 43

LISAN

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
YB TN HJ MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN)**

17.03.2011      PERTANYAAN                                  (KHAMIS)

DARIPADA

SOALAN:

TARIKH

Minta    MENTERI    PERTAHANAN  
menyatakan sejauh manakah keberkesanan Modul Kecil Budaya Kerja  
yang dimasukkan dalam empat modul utama PLKN mampu memastikan  
pelatih berdikari selepas tamat pelajaran dan latihan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Modul Kecil atau Sub Modul Budaya Kerja telah mula dilaksanakan  
di dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mulai bulan Januari  
2011 bagi Kumpulan 1 , Siri 8/2011. Keberkesanan Sub Modul Budaya  
Kerja ini akan diperolehi selepas Kajian Persepsi Pelatih dilaksanakan  
selepas tamat latihan Kumpulan 1 ini.



Selain itu, pelaksanaan Sub Modul Budaya Kerja ini bukanlah bertujuan untuk melatih pelatih PLKN untuk berdikari selepas tamat pelajaran dan latihan tetapi lebih kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama di kalangan remaja di dalam usaha melahirkan warga kerja yang profesional tidak kira dalam apa juar bidang kerjaya yang bakal diceburi kelak.

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

**TARIKH:** 17 MAC 2011

**SOALAN:**

**Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rumusan atau resolusi yang tercapai di dalam makmal gaji minimum (24 Januari 2011) dan apa tindakan Kerajaan selanjutnya untuk melaksana dan menguatkuasakan gaji minima.

PR-000-L42788

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Makmal Gaji Minimum anjuran Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Bank Dunia telah diadakan dari 7 hingga 14 Februari 2011 di *Putrajaya International Convention Centre* dengan kehadiran lebih 200 orang rakan sosial dan *stakeholders* yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, Exco-exco Sumber Manusia Kerajaan Negeri, wakil kesatuan sekerja, persatuan majikan, persatuan perniagaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi Kerajaan termasuk PEMANDU, ahli akademik dan individu.

2. Objektif penganjuran Makmal Gaji Minimum ini adalah:

i. untuk mendapat pandangan dan cadangan secara menyeluruh, telus dan terbuka daripada rakan sosial dan *stakeholders* mengenai isu dan mekanisme pelaksanaan gaji

## **SOALAN NO: 45**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

- minimum; dan
- ii. sebagai input kepada kajian Bank Dunia mengenai pelaksanaan gaji minimum yang dijadualkan siap pada bulan Mei 2011.

Melalui makmal tersebut, pihak Kementerian telah berjaya mendapat **input** dan **maklum balas** daripada semua *stakeholders* mengenai mekanisme pelaksanaan gaji minimum dari segi:

- i. skop liputan gaji minimum;
- ii. penetapan dan pelarasaran kadar gaji minimum;
- iii. mandat dan struktur Majlis Konsultasi Gaji Negara;
- iv. penguatkuasaan gaji minimum; dan
- v. perkara-perkara lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pihak Kementerian tidak mencapai sebarang resolusi semasa makmal tersebut. Walau bagaimanapun, semua maklum balas yang diterima akan digunakan sebagai input dan panduan dalam tindakan susulan Kementerian iaitu:

- i. menggubal Akta Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dijangka dibentangkan dalam Parlimen pada bulan Jun 2011; dan
- ii. menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara secara rasmi apabila Akta mengenainya diluluskan.

**Soaian No : 45**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA Y.B.. DATO<sup>1</sup> ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)

TARIKH 17.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kebenaran wujudnya "sekolah plaster" di negara ini dan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan pengkelasan atau sistem pengasingan terhadap pelajar-pelajar yang bermasalah di sekolah mereka sendiri selain daripada menjatuhkan hukuman buang sekolah

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah mewujudkan 'Sekolah Plaster', seperti yang didakwa. Atas dasar prinsip pendemokrasian pendidikan, KPM berpandangan semua murid harus diberi peluang yang sama bagi mendapatkan pendidikan di semua sekolah. Sehubungan itu juga, KPM tidak berhasrat untuk membuat pengkelasan atau pengasingan terhadap murid-murid yang bermasalah disiplin. Tindakan pengkelasan atau pengasingan ini boleh menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap mereka dan boleh mengganggu psikologi serta menjelaskan kendiri murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengetua dan guru besar boleh mengambil tindakan menggantung atau membuang sekolah kepada murid-murid yang melakukan salah laku. Hukuman seperti ini hanya akan dikenakan

sekiranya kesalahan itu dilakukan secara berulang dan didapati tidak berubah selepas tindakan memulihnya diambil oleh pengetua. Selain daripada itu, tindakan yang sama juga boleh diambil sekiranya perbuatan murid berkenaan boleh mendorong gangguan serius kepada murid-murid lain dan keseluruhan disiplin sekolah.

Namun begitu KPM berpandangan, pendekatan secara holistik adalah yang terbaik iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak dalam membendung masalah salah laku murid. Ini adalah disebabkan faktor yang mempengaruhi salah laku murid adalah pelbagai dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja.

No. Soalan: 1  
PR-000-L42579

PEMBERITAHUAN PERTAMYAAM BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN TUAN
DARIPADA	UMKIT SIANG 17
TARIKH	MAC 2011
SOALAN	Tuan Lim Kit Siang minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dan ASEAN untuk memastikan Aung San Suu Kyi, kuasa demokratik dan rakyat di Myanmar dapat menyertai secara bermakna proses pendemokrasian dan pendamaian nasional di Myanmar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur di atas soaian yang dikemukakan.

2. Malaysia berpandangan bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh Myanmar, seperti mengadakan pilihan raya pada 7 November 2010 dan juga pembebasan Aung San Suu Kyi tanpa sebarang syarat pada 13 November 2010, adalah seiring dengan usaha ke arah pendamaian nasional, atau dengan izin, *national reconciliation* dan proses pendemokrasian di Myanmar, atau dengan izin, *Roadmap for Democracy*.

3. Selain dari memberi penekanan kepada perkara-perkara tersebut, Malaysia juga telah menekankan pentingnya bagi Kerajaan Myanmar untuk mengadakan pilihan raya dengan adil dan telus serta melibatkan penyertaan semua pihak, bukan sahaja bagi Aung San Suu Kyi, kerana ini dipercayai akan menyumbang kepada kestabilian politik dan pernbangunan ekonomi di negara tersebut dan juga di rantau ini.

4. Malaysia menerusi ASEAN dan juga saluran hubungan dua hala akan terus menggesa kerajaan Myanmar untuk meneruskan usahanya serta menyarikan masyarakat antarabangsa untuk memberi sokongan dengan, membantu kerajaan Myanmar di dalam mencapai matlamat proses pendamaian nasional dan pendemokrasian negara tersebut.

5. Malaysia dan juga negara-negara anggota ASEAN yang lain akan terus menyeru Myanmar supaya mengambil pendekatan yang lebih terbuka untuk meningkatkan peranan ASEAN dalam proses pendamaian nasional dan pendemokrasian negara tersebut. Ini termasuklah dengan mengundang Pengurus ASEAN atau mana-mana negara anggota ASEAN ke Myanmar untuk bertemu dan berbincang dengan pihak-pihak berkenaan.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED  
[SEKIJANG ]

TARIKH : 17 MAC 2011

SOALAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah tarikh sebenarnya tebatan banjir Daerah Segamat khususnya dalam kawasan Parlimen Sekijang akan dilaksanakan dan berapakah kos projek.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Segamat termasuk kawasan Parlimen Sekijang dengan anggaran kos RM186 juta terdiri daripada:

- i\_ Menaiktaraf Sungai Genuang dan Kerja-kerja Berkaitan;
- ii. Menaiktaraf Sungai Chodan dan Kerja-kerja Berkaitan; dan
- iii. Pembinaan Lencongan Banjir Sungai Segamat — Sungai Chodan.

Walau bagaimanapun, projek-projek tebatan banjir tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan. Sebahagian daripada projek "Menaiktaraf Sungai Genuang dan Kerja-kerja Berkaitan" akan dilaksanakan mulai suku kedua tahun 2011 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10). Pelaksanaan dua lagi projek yang dirancangkan tersebut bergantung kepada peruntukan yang diluluskan dalam *second rolling plan* RMKe- 10.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO: 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
YB. TAN SRI DATO\* ABD. KHALID BIN  
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH

KHAMIS, 17 MAC 2011

RUJUKAN  
SOALAN

03 [ PR-000-L43032 ]

Tan Sri Dato\* Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan mengapa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan terhadap pemaju yang menceroboh kawasan rekreasi Bandar Tasik Selatan dengan membina lot-lot banglo dan padang mini golf sedangkan kawasan ini telah diwartakan sebagai kawasan lapang dalam Draf Pelan KL 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Tun Razak, skim perumahan Bandar Tasik Selatan telah diberi kelulusan pelan susun atur asal oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 21 Disember 1987 dan seterusnya pelan pindaan susun atur pada 16 Ogos 2004.

Berdasarkan kelulusan tersebut, pernbangunan Bandar Tasik Selatan telah dibahagikan kepada 8 fasa. Hampir keseluruhan kawasan kini telah siap dibangunkan yang mengandungi pernbangunan kediaman jenis teres, rumah



pangsa kos rendah, rumah pangsa kos sederhana, rumah kedai serta kemudahan awam seperti sebuah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah dan masjid.

Isu yang dibangkitkan ini adalah merujuk kepada pembangunan di kawasan fasa 6, Bandar Tasik Selatan. Untuk makluman, berdasarkan pelan susun atur yang diluluskan, kawasan fasa 6 ini dikhaskan untuk pembangunan 2,013 unit pangsapuri berserta sebuah rumah kelab serta kawasan lapang awam termasuk kawasan tasik.

Bagaimanapun, pemaju tidak melaksanakan pembangunan di fasa 6 seperti yang ditetapkan di dalam pelan susun atur tersebut. Pemaju sebaliknya mengemukakan permohonan untuk membuat perancangan semula (re-planning), iaitu bagi membina 4 unit rumah banglo persendirian berserta bangunan dewan dan sebuah garaj kenderaan. Mengikut perancangan pemaju, sebahagian kawasan fasa 6 yang asalnya merupakan kawasan lapang awam akan diubah menjadi kawasan lapang persendirian termasuk mengadakan padang golf mini.

DBKL menyedari bahawa pihak pemaju telah membina tembok batu yang menutup keseluruhan kawasan fasa 6 termasuk kawasan yang dikhaskan kawasan lapang tersebut. Sehubungan dengan itu, tindakan penguatkuasaan telah diambil dengan mengeluarkan notis penguatkuasaan bertarikh 10 Januari 2011 yang mengarahkan supaya pemaju merobohkan struktur tembok mengikut Peraturan-Peraturan perlu (Pembersihan Setinggan-Setinggan) 1969.

Walau bagaimanapun, pihak pemohon masih belum mematuhi arahan notis sebaliknya telah membawa kes ini ke mahkamah.

Pihak pemaju pada 7 Mac 2011, telah menarik balik aduan ke mahkamah dan sebaliknya bersetuju untuk berunding semula dengan DBKL bagi menyelesaikan perkara ini.

Dalam hal ini, DBKL akan memastikan kepentingan semua pihak diambil kira sebelum suatu keputusan dapat dibuat. Proses perundingan kini sedang berjalan dan dijangkakan perkara ini akan dapat diselesaikan tidak lama lagi.



NO. AUM : 5  
NO. AUP H

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]

TARIKH 17 MAC 2011

RUJUKAN 3384

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bahawa memandangkan ramai rakyat Singapura yang memasuki Malaysia menggunakan Pas Sosial dan menetap atau bekerja bertahun-tahun lamanya (permanently), sama ada Kementerian bercadang mengeluarkan peraturan baru seperti undang-undang imigrasi Singapura dimana pelawat-pelawat atas Pas Sosial hanya dibenarkan tinggal di Singapura tidak melebihi 90 hari dalam setahun, supaya tidak ada penyalahgunaan Pas Sosial tersebut.



JAWAPAN:  
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan warganegara Singapura yang masuk ke Malaysia pada tahun 2010 adalah seramai 13,042,004 dan ini adalah bilangan tertinggi untuk tahun berkenaan. Pada masa ini tiada had bilangan kemasukan yang dikenakan terhadap pelawat asing dari Singapura. Mereka boleh masuk ke Malaysia menggunakan Pas Lawatan Sosial untuk tempoh 30 hari, dan tempoh ini juga boleh disambung sehingga tempoh 90 hari, bergantung kepada keadaan. Walau bagaimanapun, Pas ini hanya membenarkan mereka masuk untuk tujuan sosial dan bukannya untuk tujuan bekerja. Lazimnya warganegara Singapura yang kerap berulang-alik masuk ke Malaysia merupakan pelabur dan ahli perniagaan yang ingin menjalankan dan menjaga kepentingan pelaburan dan perniagaan mereka di sini. Dalam hal ini, peraturan Imigresen adalah jelas di mana jika seseorang warganegara asing masuk ke Malaysia dengan tujuan tertentu seperti untuk bekerja ataupun belajar, mereka hendaklah memohon kemudahan Imigresen yang berkaitan dan Jabatan Imigresen Malaysia boleh mengeluarkan Pas berkenaan jika syarat-syaratnya dipenuhi.

Menyekat kemasukan warganegara Singapura untuk masuk ke Malaysia adalah tindakan yang tidak bijak, memandangkan dalam aspek ini hubungan Malaysia dan Singapura saling bergantung dan mengamalkan

Tuan Yang Di-Pertua,  
sikap timbal-balas. Jumlah warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura adalah ramai, dan mereka juga saban hari berulang-alik antara Malaysia dan Singapura. Dengan demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menyekat pergerakan keluar masuk rakyat Singapura ke Malaysia yang melebihi 90 hari. Jabatan Imigresen Malaysia akan memantau pergerakan mereka yang keluar masuk dan menasihatkan mereka untuk mendapatkan Pas yang bersesuaian dengan tujuan kemasukan mereka.

NO. AUP : ^0

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH

TARIKH : 17 MAC 2011

RUJUKAN : 3385

#### SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kutipan "saman" bagi bulan Julai 2010 sehingga Februari 2011 mengikut jumlah yang dibayar di kaunter PDRM dan laman web. Berapakah jumlah Kementerian perlu bayar kepada pihak lain dan

yang dikutip (RM2 setiap transaksi) oleh Myeg.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kutipan saman yang berjaya dikutip di kaunter Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada bulan Julai 2010 adalah sebanyak RM64.1 juta, bulan Ogos 2010 sebanyak RM40.6 juta, bulan September 2010 sebanyak RM22.9 juta, bulan Oktober 2010 sebanyak RM29.3 juta, bulan November 2010 sebanyak RM29 juta, bulan Disember 2010 sebanyak RM127 juta, bulan Januari 2011 sebanyak RM44.7 juta dan bulan Februari 2011 sebanyak RM63.6 juta. Jumlah keseluruhan kutipan saman di kaunter dalam tempoh tersebut adalah sebanyak RM421.2juta.

Bagi jumlah kutipan saman yang dibayar melalui laman web seperti MyEG dan RILEK pula pada bulan Julai 2010 adalah sebanyak RM4.5 juta, bulan Ogos 2010 sebanyak RM2.8 juta, bulan September 2010 sebanyak RM1.8 juta, bulan Oktober 2010 sebanyak RM2.3 juta, bulan November 2010 sebanyak RM2.3 juta, bulan Disember 2010 sebanyak RM26.2 juta, bulan Januari 2011 sebanyak RM7.3 juta dan bulan Februari 2011 sebanyak RM8.3 juta. Jumlah keseluruhan kutipan saman melalui laman web dalam tempoh

NO. AUM : 16

tersebut adalah sebanyak RM55.4 juta.

Tuan Yang DiPertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,  
Kerajaan membayar caj komisen sebanyak 1.8% daripada jumlah  
kutipan keseluruhan bulanan yang dipungut melalui MyEG dengan  
transaksi yang menggunakan kad kredit dan sebanyak RM0.50 bagi  
setiap transaksi yang berjaya melalui kad debit. Selain itu, RM2.00 juga  
dikenakan kepada pembayar bagi setiap transaksi yang berjaya  
untuk dibayar kepada MyEG.

No. SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ]
TARIKH	17 Mac 2011 (Khamis)
SOALAN	Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status pencapaian NKRA setakat ini dan adakah ianya mengikut jadual.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)

Kerajaan mulai April tahun 2009 telah memperkenal dan melaksanakan Program Transformasi Kerajaan' (GTP) serta Model Baru Ekonomi (MBE) dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP), dengan menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang berkesan, iaitu, kaedah makmal dan *Key Performance Indicators* (KPI). Di bawah GTP, enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA dikenalpasti untuk menguruskan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh rakyat dan kerajaan, iaitu jenayah, rasuah, pendidikan, infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan isirumah berpendapatan rendah.

Dalam tempoh lebih setahun, GTP telah menghasilkan penambahbaikan awalan yang ketara dan menggalakkan untuk manfaat rakyat. Misalnya, untuk NKRA jenayah, kadar indeks jenayah keseluruhan pada tahun 2010 telah menurun sebanyak 15% dan kadar jenayah jalanan atau "*street crimes*"<sup>11</sup> sebanyak 35% melalui tumpuan mobilisasi hampir 30,000 anggota polis beruniform dari kawasan-kawasan kurang jenayah, dari mereka yang bertugas kekeranian dan Polis Hutan (PGA) ke 50 kawasan "hot-spots". Keselamatan dan keyakinan rakyat telah meningkat.

Untuk NKRA Pengangkutan Awam Bandar, khasnya bagi Kuala Lumpur dan Lembah Klang, sasaran adalah untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. 22 keretapi LRT 4 gerabak telah bermula beroperasi sejak bulan Januari 2010 dan menghasilkan penambahan sebanyak 2.43 juta penumpang berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Untuk NKRA Meningkatkan Pendidikan, di antara fokus utama ialah pendidikan pra-sekolah, di mana sebanyak 1,358 buah kelas baru telah bermula pada bulan Januari, yang akan memberi manfaat kepada 54,569 kanak-kanak. Selain itu, kesemuanya 9,816 buah sekolah rendah pelbagai aliran telah dinilai mengikut *ranking*, supaya mengetahui kekuatan dan kelemahan secara perbandingan. Kadar *literacy*<sup>3</sup> mencapai 85% dan kadar '*numeracy*'<sup>3</sup> untuk murid-murid pada darjah 1. *School Improvement Toolkit* telah diperkenalkan kepada semua sekolah untuk memberi tumpuan dan panduan kepada empat (4) fokus utama, iaitu, pengetua, guru, pelajar dan infrastruktur untuk mempertingkatkan prestasi pelajar. Sebanyak 20 sekolah telah dinamakan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi pada 2010.

NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar telah menetapkan sasaran yang tinggi bagi tempoh tiga (3) tahun, 2010 - 2012 iaitu, pembinaan lebih 2,400 km jalanraya, pembinaan dan pembalikpulihan 17,000 rumah, penyampaian bekalan elektrik kepada 50,000 isirumah dan bekalan air kepada 120,000 isirumah di kawasan-kawasan luar bandar. Setakat tahun 2010, 775 km jalan raya di kawasan kampung dan pedalaman telah dibina. 35,291 rumah luar bandar telah disambungkan dengan bekalan air bersih. 27,209 rumah di kawasan pedalaman telah disambungkan

No. SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
dengan bekalan elektrik. 16,926 buah rumah telah dibina atau dibaikpulih untuk  
PERTANAYAN

penggunaan keluarga miskin. Kesemua inisiatif tersebut telah memanfaatkan lebih 2 juta orang yang tinggal di kawasan pedalaman.

Di bawah NKRA Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah, penurunan sebanyak 99.76% golongan miskin tegar (44,643 pada penghujung tahun 2009 kepada hanya 108 orang pada penghujung bulan Disember 2010). Di samping itu, 12,893 orang adalah terlibat dalam program 1 Azam yang terdiri daripada AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat

Bagi NKRA rasuah, persepsi rakyat terhadap keberkesanan Kerajaan dalam menangani rasuah telah meningkat daripada 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010 , mengikut kajian *Transparency International Global Corruption Barometer* setelah Kerajaan melaksanakan beberapa langkah, di antaranya meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat dan melancarkan portal "MyProcurement" untuk menyebarkan maklumat berkaitan perolehan kerajaan dan meningkatkan ketelusan urusan tender.

Walaupun kebanyakan pelaksanaan NKRA berjalan lancar mengikut jadual, namun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda dan cara mengurus. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak dan langkah-langkah ini terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian dan mencapai hasil yang lebih baik bagi rakyat pada masa yang terdekat ini.

SOALAN NO: 52

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B, DATO' HJ AB. HALIM BIN AB.

TARIKH

RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)

SOALAN

17 Mac 2011 (Khamis)

Y.B. DATO' HJ. AB. HALIM BIN AB. RAHMAN  
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI menyatakan

Kemajuan projek Ampangan Getah (Rubber Dam) merentangi Sungai Kelantan untuk peningkatan pengairan Lemal dan KADA. Bilakah ianya akan siap dan sekiranya siap nanti apakah kesan pengeluaran padi dalam kawasan tersebut.

JAWAPAN OLEH

Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan ampangan getah (rubber dam) merentangi Sungai Kelantan di Lemal masih diperengkat rekabentuk. Perunding yang dilantik memerlukan maklumat penyiasatan kajitanah dan data ukur tanah untuk rekabentuk terperinci.

Penyiasatan kaji tanah sedang dilaksanakan dan kerja ukur dijangka akan memulakan kerja pada akhir bulan Mac 2011. Rekabentuk pula dijangka siap pada bulan September 2011.

Tender dijangka dikeluarkan pada bulan Oktober 2011 dan tempoh pembinaan pula adalah dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan.

Apabila ampangan getah ini siap kelak ia dapat meninggikan paras air dalam Sungai Kelantan ketika paras air sungai rendah. Kedua-dua rumah pam Lemal dan Kasar boleh beroperasi sepanjang tahun untuk membekalkan air di kawasan Skim Sg. Lemal/Alor Pasir dan Skim Pasir Mas.

Oleh yang demikian skim-skim ini berupaya membolehkan penanaman padi dilaksanakan sepanjang tahun. Masalah kekurangan bekalan air dijangka pulih apabila rubber dam dapat beroperasi. Keluasan tanaman padi pula dijangka meningkat sebanyak 20% iaitu daripada 25,000 hektar kepada 30,000 hektar manakala pengeluaran hasil padi juga dijangka meningkat diantara 30 – 40% iaitu daripada 4.02 tan per hektar kepada 5.23 – 5.63 tan per hektar.



No: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH  
[JASIN]

TARIKH

17 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Wira Ahmad Bin Haji Hamzah minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tahap rundingan untuk membawa penerbangan langsung dari luar negara ke Lapangan Terbang Batu Berendam selain dari penerbangan dari Indonesia memandangkan prasarana lapangan terbang ini yang sudah dinaik taraf.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Jasin, Melaka sememangnya terkenal sebagai destinasi pelancongan dan sering menerima kunjungan ramai pelancong setiap tahun. Walau bagaimanapun, kedudukan Melaka dari segi geografi yang terletak berdekatan dengan KLIA menjadikan syarikat-syarikat penerbangan memilih untuk mengadakan penerbangan ke KLIA berbanding ke Melaka. Sungguhpun begitu, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan asing untuk mengadakan penerbangan ke Melaka dengan mengadakan rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan/meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut.

Selain daripada rundingan-rundingan udara tersebut, pada 15 Disember 2010 Kementerian Pengangkutan telah menurunkan *Passenger Service Charge* daripada

RM 51 kepada RM 26 untuk penumpang-penumpang antarabangsa di semua lapangan terbang *secondary* termasuk Lapangan Terbang Melaka.

Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) juga turut menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beropasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke Lapangan Terbang Melaka.

Walau bagaimanapun, keputusan untuk mengadakan operasi ke semua lapangan terbang termasuk ke Lapangan Terbang Melaka adalah bergantung kepada keputusan syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kepada permintaan dan *commercial viability*.

SJ.B/(26)

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT , MALAYSIA

DARIPADA DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 17.03.2011

Dr\_ Tan Seng Giaw (Kepong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang menunjukkan prestasi baik dan yang kurang memuaskan. Apakah jumlah modal berbayar dan sumbangan kepada ekonomi negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan laporan tahun kewangan terkini, kesemua 19 GLC terbesar yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC telah mencatat prestasi menggalakkan, di mana 14 daripadanya mencatat keuntungan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan ini adalah sejajar dengan pemulihan ekonomi dan keadaan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.

2. Di antara 14 GLC yang telah mencatat keuntungan bersih yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 2010 berbanding tahun kewangan sebelumnya adalah Axiata Group Berhad dengan



kenaikan sebanyak 23.4% kepada RM2 , 166.6 juta, Boustead Holdings Bhd sebanyak 49.4% kepada RM624.9 juta, Telekom Malaysia Bhd sebanyak 84.9% kepada RM1,245.0 juta dan UMW Holdings Bhd sebanyak 48.5% kepada RM961.4 juta. Manakala GLC yang mencatatkan penurunan keuntungan bersih adalah Malaysian Airline System Bhd sebanyak 54.6% kepada RM237.3 juta, Malaysia Airport Holdings Bhd sebanyak 22.2% kepada RM294.6 juta, Pos Malaysia Bhd sebanyak 12.5% kepada RM67.1 juta dan Sime Darby Bhd sebanyak 63.5% kepada RM854.8 juta.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, modal berbayar berdasarkan tahun kewangan terkini untuk 19 GLC tersebut adalah berjumlah RM41 , 988 , 5 juta. Dari segi sumbangan kepada ekonomi negara , ianya boleh dilihat dari segi sumbangan secara langsung dan tidak langsung. Sumbangan secara langsung adalah seperti pembayaran cukai kepada Kerajaan di mana 19 GLC berkenaan telah membayar sejumlah RM5,538.2 juta pada tahun 2009 dan meningkat kepada RM6,327.0 juta pada tahun 2010. Di antara penyumbang terbesar bagi kedua-dua tahun tersebut adalah Malayan Banking Bhd dan Axiata Group Berhad.

4. Sumbangan secara tidak langsung pula boleh dilihat dari segi sumbangan 19 GLC tersebut yang telah memberi pelbagai manfaat kepada golongan pemegang kepentingan, contohnya kepada masyarakat umum, di mana GLC terlibat dalam Program PINTAR (Program Pengambilan Sekolah Angkat) yang memberi manfaat kepada kira-kira 103,500 orang murid di 207 sekolah seluruh negara, di samping Program Sejahtera, sebuah program pembasmian kemiskinan yang memberi manfaat kepada 2,148 keluarga fakir miskin. Bagi golongan pembekal dan vendor pula,

GLC terlibat telah berjaya melatih sebanyak 592 vendor di bawah Program Pembangunan Vendor yang turut melahirkan 130 vendor baru di antara tahun 2004 sehingga tahun 2009.

Soalan No : 55

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA Y.B. DATO\* SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)  
TARIKH 17.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan drastik Kementerian untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina terutama sekali di bandaraya dan bandar-bandar besar yang mempunyai bilangan murid yang tinggi dalam sesuatu kelas berbanding dengan bilangan guru yang rendah dan bilik darjah yang terhad.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pada dasarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Pada masa yang sama, KPM mengkaji pelbagai aspek secara menyeluruh sebelum sesuatu kemudahan pendidikan dibangunkan. Di samping itu, KPM terus berusaha ke arah menyatupadukan rakyat dan salah satu pendekatan yang digunakan oleh KPM adalah dengan menubuhkan lebih banyak sekolah kebangsaan bagi semua golongan masyarakat selari dengan dasar kerajaan memperkasakan sekolah kebangsaan.

## **NO SOALAN : 56**

Sebagai langkah untuk terus memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) menjadi pilihan utama ibubapa , maka mata pelajaran bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di SK akan diperluaskan. Dalam konteks ini, kepelbagaian kemahiran berbahasa dapat diperkasakan di sekolah tersebut, di samping membantu meningkatkan keupayaan berintegrasi di antara kaum, yang bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk merealisasikan konsep 1 Malaysia. Untuk tujuan tersebut, semua sekolah akan dibekalkan dengan guru opsyen berkenaan secara berperingkat-peringkat untuk mengajar bahasa tersebut.

Rjm 29

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN HAJI NASHARUDDINBIN MAT ISA**

**[BACHOK]**

**TARIKH                    17 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Tuan Haji Nasharuddin bin Mat Isa [ Bachok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan pengagihan peruntukan RM 111 juta kepada projek Permata Negara bagi tahun 2011.

NO SOALAN : 56

JAWAPAN

YB. DATUK SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI | D | JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 111 juta bagi tahun 2011 kepada Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri. Pengagihan peruntukan tersebut dibahagikan kepada 2 iaitu peruntukan pembangunan dan peruntukan pengurusan.

Bagi peruntukan pembangunan sebanyak RM79 juta mengikut pecahan RM54 juta bagi membina Fasa II Kompleks PERMATA Pintar dan RM25 juta bagi membina 30 buah Pusat Anak PERMATA Negara baru di seluruh negara. Manakala RM32 juta pula diperuntukan sebagai belanja mengurus bagi tujuan pengoperasian sebanyak 52 buah Pusat Anak PERMATA Negara sediada dan juga untuk melaksanakan program-program PERMATA lain

JAWAPAN:

## PERTANYAAN : JAWAB LISAN

No. Soaian :

DARIPADA YB JOHN A/L FERNANDEZ  
[SEREMBAN]

TARIKH : 17 MAC 2011  
SOALAN  
YB John A/L Fernandez [Seremban] minta  
MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan mengikut pecahan negara-  
negara yang terlibat:  
(a) Berapa ramaikah rakyat tempatan  
yang kini ditahan di penjara luar negara;  
dan  
(b) Apakah sebab-sebab  
penahanan  
mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Seremban di atas soalan yang dikemukakan.

2. Jumlah terkumpul rakyat Malaysia yang masih dipenjarakan di PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN luar negara setakat 23 Februari 2011 adalah seramai 1726 orang.  
DEWAN RAKYAT

Daripada jumlah tersebut, seramai 1289 ditahan di lima (5) buah negara yang merekodkan jumlah tertinggi tahanan rakyat Malaysia iaitu Singapura seramai 545 orang, Thailand seramai 353 orang, Republik Rakyat China seramai 155 orang, Taiwan seramai 133 orang dan Indonesia seramai 103 orang. Manakala, 437 orang lagi tahanan rakyat Malaysia berada di lain-lain negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. . Kesalahan-kesalahan yang lazimnya dilakukan oleh rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara adalah kesalahan berkaitan dadah iaitu sebanyak 805 kes, kesalahan kad kredit sebanyak 204 kes, kesalahan imigresen sebanyak 121 kes, mencuri sebanyak 88 kes, jenayah perdagangan sebanyak 79 kes, penipuan sebanyak 68 kes, penyeludupan manusia sebanyak 52 kes, pemalsuan dokumen sebanyak 47 kes, membunuh sebanyak 27 kes dan lain-lain kesalahan sebanyak 235 kes.

Sekian, terima kasih.



DEWAN RAKYAT MALAYSIA

SOALAN NO.: 58

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH

17 MAC 2011

SOALAN Tuan

Sim Tong ALAM

SEKITAR

Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN menyatakan

- (a) Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, jumlah peruntukan yang dilulus untuk projek pencegahan banjir mengikut setiap negeri dan pencapaian projek- projek ini; dan
- (b) Nyatakan punca-punca utama yang mengakibatkan banjir sering berlaku terutama di tempat tertentu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) adalah sebanyak RM5,054,345,940.00. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membelanjakan hampir kesemua peruntukan tersebut dan semua projek yang dilaksana telah disiapkan mengikut jadual. Projek-projek ini telah mengurangkan kekerapan dan keseriusan kejadian banjir di kawasan- kawasan terlibat dan ianya telah memberi manfaat kepada lebih dua (2) juta penduduk di kawasan-kawasan yang mudah banjir. Senarai RTB dan peruntukan serta pencapaian mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Siling RMK-9 Dipinda (RM)	Kemajuan RMK-9 (%)
1	RTB Melaka	106,270,000.00	100.12%
2	RTB Perlis	17,700,000.00	100.00%
3	RTB Kedah	728,169,488.00	90.10%
4	RTB P. Pinang	268,443,161.00	101.38%
5	RTB Perak	26,788,477.00	100.00%
6	RTB Selangor	522,314,865.00	99.22%



7	RTB N. Sembilan	55,488,390.00	98.56%	0
8	RTB Johor	367,095,277.00	96.37%	
9	RTB Pahang	100,605,563.00	99.85%	
10	RTB Terengganu	28,197,024.00	98.99%	
11	RTB Kelantan	219,163,455.00	96.47%	
12	RTB Sabah	107,858,921.00	96.76%	
13	RTB Wil. Persekutuan	312,880,649.00	106.19%	
14	RTB Sarawak	292,089,283.00	105.51%	
15	RTB SMART	1,400,839,200.00	99.93%	
16	RTB Batu/Jinjang Ponds di WP KL	455,442,322.00	109.41%	
17	Kecemasan Banjir seluruh negara	31,999,000.00	99.92%	
18	RTB KESBAN di Kelantan	13,000,865.00	95.68%	
<b>Jumlah</b>		<b>5,054,345,940.00</b>	<b>99.69%</b>	

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca-punca berlakunya banjir ialah:
- i. Hujan lebat yang berterusan;
  - ii. Air Pasang;
  - iii. Sampah-sarap yang menghalang laluan air; dan
  - iv. Pembangunan pesat yang tidak terancang menyebabkan kadar alir air meningkat.

Sekian, terima kasih.



NO SOALAN:m

**PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN**

**PERTANYAAN : LISAN  
RAKYAT**

**TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**17 MAC 2011 [KHAMIS]**

**SOALAN**

Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berikutnya kejadian banjir yang berlaku di banyak bahagian dalam negara, bagaimanakah kedudukan:

- (a) jumlah tabung bencana alam negara yang dibelanjakan sehingga kini; dan
- (b) taksiran kerugian yang ditanggung oleh rakyat baik kemusnahan harta benda, perniagaan, pertanian dan bagaimanakah tuntutan pampasan rakyat yang menderita' ditangani.

NO SOALAN:

JAWAPAN: Y.B, DATO, SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) diwujudkan pada 15 September 2005 di bawah seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1997 bagi menggantikan Tabung Bantuan Negara (TBBN). Objektif KWABBN ini adalah untuk;
1. Memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana di dalam dan luar negara;
  2. membiayai program dan aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian bencana; dan
  3. memberi bantuan kepada pihak kerajaan Negeri, Jabatan atau Agensi yang tidak mempunyai peruntukan di peringkat jabatan/agensi masing-masing.

Sejak KWABBN diwujudkan sebanyak RM 622,927,315 telah dibelanjakan bagi tujuan di atas. Perincian perbelanjaan tahunan adalah seperti berikut;

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN
2006	RM 33,942,468
2007	RM 207,954,969
2008	RM 105,290,051
2009	RM 143,421,406

NO SOALAN:

2010	RM 109,726,993
2011 (setakat 16 Mac 2011)	RM 22,591,428
JUMLAH	RM 622,927,315

Penyaluran bantuan ihsan ini bukanlah bersifat ganti rugi atau pampasan sebaliknya berbentuk insan kerajaan Persekutuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir. Bantuan yang disalurkan adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh daerah atau negeri melalui Jawatakuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri/Daerah dan dimajukan permohonan tersebut kepada Majlis Keselamatan Negara(MKN) untuk diperakukan kepada Y.A.B Perdana Menteri.

Bagi kerosakan pertanian, jumlah anggaran kerugian yang ditanggung akibat banjir pada hujung 2010 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
Kelantan	720,200
Kedah	8,045,241
Perlis	2,488,093
MADA	282,296
KADA	11,884,375
JUMLAH	196,422,795

Jumlah anggaran kerugian pertanian yang ditanggung mengikut negeri akibat banjir pada awal 2011 di Pahang , Negeri Sembilan , Melaka, Johor dan Kelantan pula adalah seperti berikut:

NO SOALAN: 部 ^

NEGERI	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
PAHANG	2,733,460
NEGERI SEMBILAN	3,643,112
MELAKA	3,028,986
JOHOR	36,274,241
KELANTAN	95,325
JUMLAH	45,775,124

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

[BUKIT BINTANG]

TARIKH : 17 MAC 2011

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

Bilangan kenderaan menggunakan terowong Smart dan jumlah kutipan tol sepanjang tempoh mula beroperasi sehingga kini dan sejauh manakah kemampuannya untuk mengelakkan banjir kilat di Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada sumber maklumat daripada Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd (SMABT) iaitu, syarikat konsesi yang mengendali dan menyelenggara Lebuhraya E38 Terowong SMART, pada masa ini bilangan kenderaan yang menggunakan lebuhraya terowong ialah sebanyak 36,000 sehari. Jumlah kutipan tol bagi tempoh tiga (3) tahun beroperasi semenjak dibuka pada tahun 2007 adalah sekitar RM71 juta. Komponen laluan trafik di Lebuhraya E38 Terowong SMART dikawalselia oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), manakala komponen operasi kawalan banjir pula dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS). Menerusi kajian penilaian impak awalan yang dijalankan oleh pihak JPS, terowong SMART telah berjaya mencapai objektif pembinaannya dan terbukti mampu mengatasi masaiah banjir besar limpahan Sungai Klang akibat hujan lebat di kawasan tадahan Sg Klang / Sg Ampang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak lapan (8) kejadian banjir besar limpahan Sungai Klang yang berpotensi menenggelamkan sebahagian kawasan tumpuan utama pusat bandar raya Kuala Lumpur telah dapat dielakkan sejak terowong SMART mula beroperasi pada Julai 2007. Antara kawasan yang

SOALAN NO.: 62

mendapat manfaat daripada operasi projek SMART ialah kawasan sekitar Stesen LRT Masjid Jamek, sekitar Jalan Masjid India, Jalan Tun Perak, Lebuh Pasar, Kampung Baru, Jalan Tun Razak, Jalan P. Ramlee, Jalan Pinang, sekitar **BERTANYAAN** Sultan Abdul Samad, Dataran Merdeka, Jalan Munsyi Abdullah dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Berbeza dengan kejadian banjir besar limpahan sungai, kejadian banjir kilat yang bersifat sementara yang sering melanda bandar raya Kuala Lumpur pula adalah disebabkan masalah sistem perparitan bandar, seperti longkang dan parit yang tersumbat oleh timbunan sampah sarap dari merata tempat yang dibawa oleh air larian permukaan ketika hujan lebat. Bagi menangani masalah banjir kilat ini, adalah menjadi tanggungjawab bersama bukan sahaja pihak Kerajaan bahkan kesedaran dan keperihatinan masyarakat untuk bersama-sama memainkan peranan bagi mengelakkan parit dan longkang tersumbat untuk menangani kejadian banjir kilat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA** Y.B, DR. HIEW KING CHEU  
[KOTA KINABALU]

**TARIKH** 17 MAC 2011

**SOALAN**

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta PERDANA MENTERI menyatakan bolehkah elaun-elaun Ahli Parlimen dinaikkan untuk memenuhi inflasi yang tinggi dan semakin meningkat. Ini adalah berdasarkan elaun-elaun Ahli

NO SOALAN: 61

Parlimen belum pernah dinaikkan dan lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara terdekat. Jika ya, bilakah akan dilaksanakan.

JAWAPAN: YB, DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Menyedari tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen pada masa ini adalah semakin mencabar, Kerajaan bersedia menimbang untuk mengkaji cadangan kenaikan elan-elan Ahli Parlimen ppda masa yang sesuai kelak. Namun, kedudukan kewangan Kerajaan akan diutamakan.

NO. SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

Sekian. Terima kasih.



NO. SOALAN: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MUHAMMAD BIN
TARIKH	HUSSAIN (PASIR PUTEH)
	17 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Muhammad bin Hussain (Pasir Puteh) minta PERDANA MENTERI menyatakan peningkatan urusniaga dalam kawasan pernbangunan ekonomi Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) sejak ditubuhkan hingga sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sejak penubuhannya pada tahun 1993 Pernbangunan Segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle) atau ringkasnya IMT-GT telah berjaya meningkatkan urusniaga dan pernbangunan ekonomi di negeri-negeri dan provinsi-provinsi yang terlibat terutamanya di Malaysia. Konsep kerjasama IMT- GT adalah berdasarkan prinsip pernbangunan yang di terajui oleh pihak swasta manakala pihak kerajaan pula menjadi pemangkin kepada pernbangunan tersebut.

Penubuhan IMT-GT juga telah memberikan peluang baru kepada pelabur-pelabur daripada ketiga-tiga negara terutamanya yang berskala kecil dan sederhana (SME) untuk berurusniaga dengan negara-negara jiran. Sehingga kini, pelbagai bidang pelaburan secara bersama di antara pelabur dari negeri dan provinsi telah dilaksanakan. Antara program dan projek yang telah berjaya dilaksanakan dan memberi impak yang ketara dalam meningkatkan urusniaga sektor swasta Malaysia di IMT-GT ialah:

- (i) pembekalan produk “high-end , aluminium oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang ke Sumatera Utara;

- (ii) pembuatan alat dan kemudahan gudang simpanan, tangki dan paip di Pelabuhan Pulau Pinang atas permintaan Persatuan Ladang Kelapa Sawit Aceh;
- (iii) pembekalan 2,500 ekor lembu setiap bulan ke Banda Aceh dan Sumatera Utara dengan jumlah perdagangan RM3.3 juta setiap penghantaran (*shipment*)]
- (iv) pembekalan kulit lembu (*cattle salted leather*) dari Pulau Pinang ke Belawan, Sumatera sebanyak 400 tan setiap bulan dengan jumlah dagangan RM2 juta setiap penghantaran;
- (v) cadangan pembekalan makanan dan minuman tradisional dari 15 buah syarikat kecil dan sederhana dari Malaysia di pasaraya Maximart dan Machan Yaohan di Medan;
- (vi) kerjasama antara USU, ACMS, PSU dalam bidang pendidikan perubatan dengan membuka kampus utama di Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang dengan latihan klinikal di hospital-hospital kerajaan sekitar Kangar, Kulim, Langkawi dan Kepala Batas hingga tahun 2010. Sehingga kini, seramai 120 graduan telah dikeluarkan;
- (vii) ASA Niaga Barter Trade Centre di Port Klang menggunakan kapal kayu kurang daripada 500 tan berat di Indonesia , Thailand dan Myanmar dengan jumlah perniagaan tahunan sebanyak RM 300 juta;
- (viii) IMT-GT Contact Centre di Ipoh telah memulakan operasi pada awal bulan Mac 2011 dengan anggaran atas talian sebanyak mencecah 200 ribu;
- (ix) Cadangan model bandar bersepadu di Pengkalan Hulu / Betong oleh Northgate Development Sdn Bhd dengan kos pembangunan sebanyak RM 200 juta;
- (x) Sepanjang tahun 2010 , 2 pameran perdagangan telah diadakan di Indonesia iaitu di Medan dan Banda Aceh dengan jumlah dagangan sebanyak RM 200 ribu dan 6 pameran perdagangan di Selatan Thailand iaitu dia Hatyai, Surat Thani, Pattani, Phuket, Satun dan Danok dengan jumlah dagangan sebanyak RM 500 ribu;
- (xi) Penerbangan kapal terbang Fireflyz ke Banda Aceh sebanyak 4 kali seminggu;
- (xii) *Contract Farming Tapioca* di Banda Aceh sebanyak 500 hektar pada tahun

2011 dengan anggaran pengeluaran sebanyak RM 150 ribu; dan

- (xiii) Mengembangkan SOTA (Standard Online Tourism Architecture) teknologi untuk pengiklanan dan pemasaran internet melalui IMTGTTOURISM.COM ke Indonesia dan Thailand. Anggaran jualan bagi tahun 2010 adalah RM 100 ribu.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian penuh terhadap kemajuan yang dicapai oleh IMT-GT. Kerjasama IMT-GT adalah penting sebagai satu strategi yang memberi keuntungan bersama dan satu mekanisme untuk merancang dan melaksanakan projek-projek pernbangunan secara bersama demi kesejahteraan dan faedah penduduk-penduduk yang tinggal di wilayah IMT-GT. Kesan limpahan (spill-over effect) dari projek-projek IMT-GT akan mencetuskan pernbangunan ekonomi secara lebih menyeluruh terutamanya di lapan negeri di Semenanjung Malaysia yang menggangotai IMT-GT.



**SOALAN NO.: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
<b>DARIPADA</b>	PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
	(KUANTAN)
<b>TARIKH</b>	17 MAC 2011 (KHAMIS)

**SOALAN**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan) meminta Y.A.B. Perdana Menteri menyatakan berapa ramai graduan dan juga subkontraktor yang telah berjaya di lahirkan dari Projek Managed Portal Services yang di berikan secara direct - nego berjumlah RM260 juta kepada Alam Teknokrat (SKALI) dan apakah status pencapaian mereka pada masa ini dari segi teknikal dan kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Alam Teknokrat Sdn Bhd (SKALI) dilantik oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek *Managed Portal Services* (MPS) yang merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu:

- (i) Pembangunan dan Penambahbaikan 152 Laman Web/Portal Kementerian/Agensi/PBT;



- (ii) Membangun sistem pengurusan pengetahuan (*Enterprise Knowledge Repository Information System*- EKRIS); dan
- (iii) Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui program Pernbangunan Modal Insan untuk siswazah menganggur.

Kos keseluruhan Projek MPS ini berjumlah RM258 juta untuk 6 tahun (2008 - 2013) dengan pecahan berikut:

- (i) Pernbangunan Laman Web/Portal - RM184 juta;
- (ii) EKRIS-RM10 juta; dan
- (iii) Program Pernbangunan Modal Insan - RM64 juta.

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan Program Modal Insan adalah berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI) Projek iaitu melatih 253 graduan bagi tahun 2008 – 2010 dan 253 graduan lagi bagi tahun 2011 – 2013. Melalui Program MPS, seramai 27 usahawan telah dilahirkan dalam tempoh 2008-2010. Bilangan ini telah memenuhi KPI Projek iaitu melahirkan maksimum 10% atau 25 usahawan daripada 253 graduan dalam tempoh 3 tahun pertama.

Graduan-graduan yang terlibat dalam Program MPS pada masa kini di dapati telah pun menceburi bidang keusahawanan dan ada juga yang telah mendapat tawaran pekerjaan yang lebih baik sama ada sebagai kakitangan kerajaan, syarikat swasta ataupun diserap sebagai kakitangan Syarikat SKALI sendiri. Melalui program ini juga, graduan / usahawan telah menikmati kenaikan gaji sebanyak 28%.

SOALAN NO.: 64

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN RAKYAT

LISAN

DARIPADA

TUAN TONY PUA KIM WEE

TARIKH

[PETALING JAYA UTARA]

17 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) sebab projek pembangunan 1 National Institute of Health (1NIH) ditawarkan secara rundingan terus kepada Sentosa Jitra Sdri. Bhd. dengan bayaran secara *land swap* termasuk pulangan kepada Kerajaan; dan
- b) syarat-syarat jitu di bawah perjanjian ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) telah melaksanakan projek 1NIH melalui tender terhad kepada 3 syarikat dan penilaian telah dibuat berdasarkan beberapa kriteria. Berdasarkan hasil penilaian tersebut, didapati bahawa syarikat SP Setia Berhad-Mekar Gemilang Sdn. Bhd. (yang kemudiannya menujuhkan *Special Purpose Vehicle* iaitu Sentosa Jitra Sdn. Bhd.) telah mengemukakan cadangan yang terbaik berdasarkan perkara berikut:

- i. Memenuhi *need statement/keperluan* Kementerian Kesihatan;
- ii. Pulangan kepada Kerajaan (dalam bentuk *in kind*) bersamaan dengan nilai terbaik kegunaan tanah di Jalan Bangsar;
- iii. Tambahan kepada pulangan *in kind*, syarikat memberi 20% daripada jumlah keuntungan bersih pembangunan bercampur di Jalan Bangsar kepada Kerajaan setiap tahun (dianggarkan RM202 juta);
- iv. Syarikat akan membayai pembinaan sebuah klinik kesihatan termasuk klinik norninian Hi lalan Ranncar\*

- v. Pernbangunan bercampur di Jalan Bangsar dijangka akan menaik taraf prasarana di kawasan tersebut di mana pernbangunan tersebut akan merangkumi ruang pejabat dan komersial, kediaman dan kemudahan-kemudahan awam bagi kegunaan penduduk seperti perpustakaan. Nilai kasar pernbangunan di Jalan Bangsar dianggarkan sebanyak RM7.3 billion.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju secara prinsip supaya syarikat SP Setia Berhad-Mekar Gemilang Sdn. Bhd. Melaksanakan projek ini secara land swap dengan tapak Kerajaan di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pelaksanaan projek yang akan dirundingkan oleh Kerajaan dengan syarikat sebelum perjanjian ditandatangani.



Q<sup>C</sup>

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DARIPADA LISAN  
Y.B. DATO<sup>5</sup> SRI IR. MOHD  
ZIN MOHAMED  
PERTANYAAN  
KAWASAN SEPANG

17.3.2011 (KHAMIS)

NO. SOALAN

TARIKH Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN MOHAMED (Sepang)  
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN  
INDUSTRI menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk  
meningkatkan bilangan pengeksport teknologi kejuruteraan dari  
kalangan syarikat tempatan agar dapat bersaing dengan syarikat luar  
negara dan apakah peningkatan syarikat pembekal teknologi  
kejuruteraan dari negara China dan India akan memberi kesan negatif  
kepada usaha tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua

Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan  
Industri (MITI) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi membantu

pengeksport teknologi kejuruteraan dari kalangan

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **PERTANYAAN**

syarikat tempatan untuk bersaing dengan syarikat luar negara dan juga menembusi pasaran negara asing.

Antara aktiviti yang dianjurkan dan disertai adalah seperti:-

- (i) Penyertaan dan pengajuran Pameran Perdagangan Antarabangsa di dalam dan luar negara;
- (ii) Misi Belian Khusus (Incoming Buying Mission) yang mensasarkan pemilik projek luar negeri;
- (iii) Misi Pemasaran Khusus (Specialised Marketing Mission); dan
- (iv) *Promotional Booth* di Pameran Perdagangan Antarabangsa di luar negara.

Untuk makluman, bagi tahun 2010 , sebanyak lima Misi Pemasaran Khusus bagi sektor pembinaan yang turut melibatkan syarikat-syarikat kejuruteraan telah dianjurkan ke pasaran seperti Sri Lanka, Indonesia , Laos, Cambodia dan Arab Saudi.

Kerajaan melalui agensi seperti MATRADE telah menganjurkan *Malaysia Services Exhibition* (MSE) di Dubai, Emiriah Arab Bersatu dari 13-15 April 2010 di dalam usaha untuk memasarkan dan menjenamakan perkhidmatan-perkhidmatan, terutama bagi sektor kejuruteraan, infrastruktur dan pembinaan yang ditawarkan **oleh syarikat-syarikat Malaysia ke pasaran Timur Tengah** yang secara langsung dapat mempertingkatkan permintaan terhadap perkhidmatan kejuruteraan tempatan.

MATRADE juga tefah menganjurkan Pameran Perdagangan Antarabangsa iaitu Big 5 di Dubai, UAE di mana iaanya meibatkan

sektor pembinaan, infrastruktur dan kejuruteraan. Penyertaan di dalam pameran perdagangan antarabangsa ini bertujuan bagi memasarkan kepelbagaiannya produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh usahawan-usahawan Malaysia. Juga satu Promotional Booth bagi sektor pembinaan dan bahan binaan telah dilakukan di Riyadh, Arab Saudi pada 2010.

Usaha-usaha sedemikian secara langsungnya akan meningkatkan peluang-peluang eksport dan juga bilangan pengeksport-pengeksport teknologi kejuruteraan tempatan.

Selain daripada agensi seperti MATRADE yang terlibat di dalam promosi pemasaran produk dan perkhidmatan, terdapat juga agensi seperti *Construction Industry Development Board* (CIDB) yang terlibat secara langsung meningkatkan tahap kualiti dan keupayaan pengeksport kejuruteraan, infrastruktur dan pembinaan tempatan supaya dapat bersaing dengan pengeksport asing. Usaha sedemikian akan menambahkan bilangan pengeksport kejuruteraan tempatan yang *export-ready*.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh CIDB dan PSDC di dalam memantapkan tahap skil, kualiti dan kecekapan syarikat adalah menerusi program Pernbangunan Kapasiti (Capacity Building). Program Pembangunan Kapasiti yang disediakan oleh CIDB adalah seperti:

- Program Latihan & Pensijilan bagi Pengurus Projek

## Pembinaan

- Program Latihan & Pensijilan bagi Pegurus Pembetungan Pembinaan
  - Program Latihan & Akreditasi bagi Penyelia Kawasan Pembinaan
  - Program Latihan Pembinaan bagi Keselamatan & Kesihatan Pegawai
- Program Latihan Pembangunan Profesional Berterusan

Di samping Kerajaan, pihak swasta turut bersama terlibat dalam meningkatkan kecekapan dan keupayaan syarikat kejuruteraan melalui insitusi Kejuruteraan Malaysia (*Institution of Engineers Malaysia*) dengan menganjurkan seminar dan program latihan bagi melengkapkan syarikat kejuruteraan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi mengeksport perkhidmatan kejuruteraan mereka.

Dalam usaha meningkatkan pengeksport perkhidmatan kejuruteraan, MATRADE akan meningkatkan lagi aktiviti promosi di luar negara dalam sektor perkhidmatan pembinaan. **Program-program yang akan dilaksanakan pada 2011 ialah seperti berikut:**

JaqEe^dIow CT03J1 jpaBII yefoid >in ḫn ueD)koyBPed uejollUBQuεGuep  
εyđbđS3q ucoeuIgce-ceg"udtaiquDQ uewelupjLPjeQJoiples lo)eq snsrx>  
uejeseuioQ.iſſ

**jeqphOjdmzcc>jid jioT5eua>U<Dm rœA uefphjDa oayjt>JW >Jhssefje -  
2COULEunbuequaueiefsq>Jlga. uejD uejJ5unbđS3M&rhjäu  
ueunroueqfed uekphDjoplos Iroeq snsni>| uejeseuleQ.!ſſAI**

■ hnf 6csocSobgcau | j-oUeeua)>j0lla)ueA ueleuITJlplacL omeeuqlfed

jopias |6ecj snsnez uejeseuleQ.!ſſAI

ueqeqgeauueujqluod up<sup>†</sup>TCayusC<sup>‡</sup>seqzn jp ueeuim  
ueqeqgeauueujqluod Joiples ujsnsnq uejeseuiod !(0||/#|

iMa<(n~zfIqcslla nq<!-o {3SS)cosqZX<sub>TRADEMARK</sub> SSAelley es6ueqeje »uv

UBlascod

!oiAI .qMW-z- JB eelloQ!p00a)j ggsugqgjelu< uefg  
uefgegakpm UEeuulquoci uefa ueBuap eaduS<sup>‡</sup>D<sup>‡</sup>NS<sup>‡</sup> go>Dob  
hueejg ueqemOSueeuulquoiCLOP9SBgjDsnsij>} UBleseluaCLsts

NO SOALAN: 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN

OTHMAN [PENDANG]

TARIKH 17 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai jumlah peruntukan yang diberikan kepada negeri Kedah melalui MKN dan JKM semasa banjir baru-baru ini dan berapa yang sudah dibelanjakan.

JAWAPAN: Y,B, DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif untuk membantu rakyat yang terjejas akibat bencana banjir di seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang Mulia, antara jenis bantuan yang telah disalurkan adalah terdiri daripada bantuan wang ihsan yang diselaras oleh

NO SOALAN: 67

Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta bantuan barang makanan dan

NO SOALAN: 66

keperluan harian yang diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bantuan wang ihsan sebanyak RM500.00 yang menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana (KWABBN) telah disalurkan bagi membantu mangsa-mangsa banjir memulakan kehidupan seperti sedia kala. Di negeri Kedah sahaja, sebanyak RM 15,474,000 diagihkan kepada 30,948 keluarga pada Disember 2010 lalu. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menggembeling tenaga bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang terputus bekalan makanan di sepanjang tempoh mereka berada di pusat-pusat pemindahan. Bagi tujuan tersebut, JKM telah membelanjakan sejumlah RM 6,767,712 di negeri Kedah sebagai kos pembelian bekalan makanan, *hygiene kit*, selimut, tikar serta keperluan-keperluan harian yang lain.

Sekian. Terima kasih.

NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAG) JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO , NGEH KOO HAM (BERUAS)
TARIKH	17 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap rasuah dalam PUSPAKOM yang kini diamalkan secara sistematik (teratur) menggunakan pelekat-pelekat yang menunjukkan wang rasuah telah dibayar kepada pihak-pihak berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membanteras amalan rasuah terhadap pemeriksaan kenderaan yang dijalankan oleh pihak PUSPAKOM. Antara tindakan yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) memasukkan Penunjuk Tahap Kecekapan (KPI) dan elemen integriti terhadap perjanjian konsesi baru PUSPAKOM selaras dengan polisi kerajaan terhadap penekanan konsep integriti. Melalui KPI dan elemen integriti ini bukan sahaja dapat meningkatkan perkhidmatan yang ditawarkan bahkan dapat membanteras amalan rasuah yang berlaku

sehingga ke penamatkan kontrak perkhidmatan sekiranya syarikat tersebut gagal mencapai KPI yang ditetapkan;

- (ii) menubuhkan Unit Kawalselia PUSPAKOM di seluruh JPJ negeri yang berfungsi untuk mengawalselia pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM selain daripada memantau kegiatan rasuah terhadap pemeriksaan yang dijalankan. Tindakan tegas akan diambil jika hasil siasatan yang dilakukan terdapat unsur-unsur yang tidak mengikut prosedur ketika menjalankan pemeriksaan; dan
- (iii) menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membanteras gejala rasuah dengan mengadakan siasatan bersama antara anggota JPJ dan SPM terhadap aduan rasuah yang terima.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada tindakan yang diambil oleh JPJ, pihak PUSPAKOM juga telah melaksanakan pelbagai langkah dalam usaha untuk membanteras amalan rasuah. Antaranya ialah dengan memantau kenderaan-kenderaan yang memasuki cawangan PUSPAKOM. Sekiranya terdapat sebarang pelekat atau tanda yang dicurigai, ia akan dibuka dan kenderaan tersebut juga akan dihalang daripada memasuki PUSPAKOM bagi menjalankan pemeriksaan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sepanjang tahun 2010 , PUSPAKOM telah menghalang lebih kurang 10 orang awam daripada berurus dengan PUSPAKOM kerana tindakan mereka yang mencurigai. Walau bagaimanapun, tiada tangkapan yang dibuat memandangkan terdapat kesukaran dalam membuktikan perbuatan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh JPJ dan PUSPAKOM sedikit sebanyak dapat membanteras gejala rasuah yang berlaku sehingga ke akar umbi. Perkara ini penting bagi memastikan semua kenderaan yang diperiksa mematuhi piawaian pemeriksaan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan yang berpunca daripada kerosakan teknikal

NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

kenderaan.  
PERTANYAAN  
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA PUAN CHONG ENG  
[BUKIT MERTAJAM ]

TARIKH JAWAPAN 17 MAC 2011 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan status terkini projek perluasan Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam termasuk bilakah projek dijangka siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek Pembesaran Empangan Mengkuang melibatkan dua komponen iaitu Pembinaan empangan dan kerja berkaitan dan Pembinaan kerja-kerja penyaluran air mentah dengan stesen pam. Projek Pembesaran Empangan Mengkuang dijadualkan siap sepenuhnya pada 2016 dengan keupayaan membekalkan air mentah sebanyak 1,000 juta liter sehari.

Projek tersebut telah dirancang untuk dilaksanakan melangkaui dua Rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Setakat ini, proses reka bentuk dan pengambilan balik tanah

telah disiapkan menggunakan peruntukan RMKe-9. Kerja-kerja fizikal pula dijangka akan dimulakan pada Suku Ketiga tahun 2011. Dengan siapnya projek ini, kapasiti takungan air mentah akan ditingkatkan daripada 22 juta meter padu kepada 73.5 juta meter padu dan kapasiti penyaluran air mentah pula dapat ditingkatkan daripada 300 juta liter sehari kepada 1,000 juta liter sehari.

\*\*\*\*\*

NO SOALAN:69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN ]

TARIKH 17SVIAC 2011

SOALAN

Tuan Saiahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati terhadap tahap kecekapan kakitangan Kerajaan di semua peringkat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan kecekapan kakitangan Kerajaan adalah mengikut piawaian semasa dan mampu memberikan perkhidmatan yang efisien.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Tahap kecekapan pegawai awam boleh dinilai menerusi komitmen mereka menjayakan dasar-dasar Kerajaan dan mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan rakyat. Komitmen tersebut disumbangkan melalui pelbagai inisiatif transformasi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan (PTK), Program Transformasi



NO SOALAN:69

Ekonomi (PTE) dan memastikan keberhasilan program-program berteraskan rakyat berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Program-program tersebut sehingga kini telah berjaya mewujudkan suasana ekonomi negara yang lebih stabil dan keselamatan yang terjamin sehingga berjaya memulihkan iklim pelaburan negara. Program-program tersebut jelas menunjukkan pencapaian Kerajaan dan sumbangan Perkhidmatan Awam di pelbagai peringkat dalam menjayakan dasar-dasar awam secara lebih inklusif dan kejayaan perkongsian pintar di antara Kerajaan, Perkhidmatan Awam dengan sektor swasta. Pengukuran pencapaian ini telah diterjemahkan dalam petunjuk prestasi utama (KPI) untuk Ketua Setiausaha dan Menteri dan adalah selari dengan pencapaian negara.

Kejayaan Kerajaan dan Perkhidmatan Awam dalam memperbaiki penyampaian perkhidmatan dan memulih semula iklim ekonomi serta pencapaian negara di peringkat global, dapat dilihat menerusi beberapa petunjuk positif antarabangsa. Antaranya, kejayaan negara menduduki tangga ke-27 dalam Indeks Globalisasi *Ernst&Young* 2010 di hadapan Amerika Syarikat, merupakan suatu petunjuk yang positif berhubung tahap globalisasi Malaysia di kalangan 60 ekonomi terbesar yang diukur berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara masing-masing. Malaysia juga mencatatkan peningkatan mengagumkan, sebagai salah sebuah negara daripada 20 buah negara terunggul dalam Indeks Pembangunan Kewangan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2010 , dan

NO SOALAN:70

berjaya buat julung-julung kalinya tersenarai dalam kalangan 10

## I|!SB>| BOIU01 -UB!>|OS

jepueq jen|  
;p undnqueuj jepueq ip bji>|!P >|ep!i ^bA^bj uep ue66ue|dd  
uenjJ8do>| !i|nu8iu0uj eyas ues8>j8q uep de>|0O inqq !pefueuj ueqe  
uee[BJ0>| uBjBiup!q>|jocl UBjedujeAuad ue>jdejeij!p inqesjej  
UBnjBiieqaiad ub6u9q BSBUJoS UBqBqrud bjq uueiep ugA0|9J  
ipefueiu eAedns jnpesojd uep uejnjejed !LJ!>|seuLi96u9iJU eyes  
uesnjnd8>| jenqaieiu uep ue>|Bpu!j aiB|Bp sejued eyes (id>I) Jojeoipu/  
eouemjoped /©>/ uep (vtl>I) <sup>BdJ</sup>V finse^j Aeyf jedeouej | 8eq >neqj8} ubibijub-ubibujb jSB}dBpe6uo«Ju snj8j ‘\_9ju!J9q uep s\_ ‘|euo!sepjd L|!q9| ejeoies qeMB[6un66uej UB>|BUBS>|B|8UJ uejes!p sruej ub>jb lue/we jBMB[u8d ue>|snj8i!p ub>jb de例 iubmb joj>}os uueiep uemBi|Bqai8d >jnsBoiJ8j jseaijojsuejj eqesn 'w\ bsbiu eped ejebau UBjBdeoued uep ujbmb jBMBfued ue6uBqujns ueBuep 网 sendjeq UBe[ej8>i undne|BAA

4en^od-!P 6ue 人 uen 丶

(ADM) 010Z >jooqj 的人 ssouQAimodmoo pijom m|B|0UJ ue>)Jodei!p  
6ueA bubuj □|9d9S !Biunp !p du|es eAepjaq 6u!|ed bjbOsu

69 : NMOSON

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

NO: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

TARIKH                            17 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN                            70

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan

- (a) apakah kelayakan dan syarat lesen untuk empat operator feri perkhidmatan Labuan — Menumbok; dan
- (b) bilakah empat operator feri itu akan memulakan perkhidmatannya. Adakah Kementerian akan menetapkan kadar tambang standard.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pelantikan empat operator feri di laluan Labuan - Menumbok diputuskan secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah. Di antara syarat-syarat utama yang ditetapkan kepada pengusaha feri yang dilantik adalah seperti berikut:
  - a) menggunakan feri pendaftaran Malaysia dan mempunyai Lesen Perkapalan Dalam Negeri;
  - b) mematuhi syarat-syarat teknikal, operasi, keselamatan dan sekuriti serta lain-lain syarat yang akan ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan dari semasa ke semasa; dan

- c) mengambil insurans pihak ketiga.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd. yang merupakan pengusaha feri sedia ada telah meneruskan perkhidmatannya bagi mengendalikan perkhidmatan feri kendaraan dan penumpang *Roll On/Roll Off (RORO)*. Sebuah lagi syarikat pengusaha feri penumpang telah mula beroperasi pada 7 Februari 2011. Dua lagi operator yang telah dilantik diberikan tempoh selama enam (6) bulan untuk memulakan operasi.
3. Pada masa ini, kadar tambang bagi perkhidmatan feri Labuan – Menumbok adalah berdasarkan kadar tambang sedia ada. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah sedang menyemak semula kadar tambang berkenaan bagi menetapkan siling kadar tambang perkhidmatan feri di laluan tersebut.

**PERTANYAAN : LISAN**

DARIPADA                    Y.B. PUAN TEO NIE CHING  
                                  [SERDANG ]

TARIKH                      17 MAC 2011

**SOALAN:**

PUAN TEO NIE CHING minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat sama ada

**NO.SOALAN :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

menerusi Kementerian ataupun GLC (*Government-Linked Companies*) dalam kempen Pilihan Raya Kecil Tenang dan Merlimau.

NO. SOALAN : 18

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI D | JABATAN PERDANA MENTERI  
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kos perbelanjaan Pilihan Raya Kecil N.05 Tenang dan N.27 Merlimau yang dikendalikan oleh SPR adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN PILIHAN RAYA	JUMLAH PERBELANJAAN
L	N.05 Tenang	RM1,100,000.00
ii.	N.27 Merlimau	RM755,000.00

Manakala bagi kementerian-kementerian lain dan GLC (*Government- Linked Companies*), jumlah perbelanjaan mereka adalah mengikut anggaran budget yang telah ditetapkan oleh kementerian/agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 54  
NO. AUP : 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA      TUAN HEE LOY SIAN [PET AUNG JAYA SELATAN ]  
TARIKH          17 MAC 2011  
RUJUKAN        3388

**SOALAN:**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meluaskan definisi penerbitan dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk meliputi terbitan multimedia termasuk kandungan Internet, Facebook, Twitter dan lain lain.

JAWAPAN:

*Tuan Yang Di Pertua ,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak pernah mengenakan kawalan terhadap media atas talian menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Buat masa ini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri masih lagi di peringkat awal perbincangan untuk mengkaji semula keberkesanan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, termasuklah kesalahan menyalahgunakan bahan-bahan media cetak yang berkaitan. Usaha ini adalah penting dan bertepatan dengan masa dan keadaan supaya Akta ini terus mantap dan kekal relevan demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.